

# **ARLIMEN MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA P ARLIMEN  
KEDUA BELAS 2010**

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab Lisan  
Harian Yang Tidak Dapat Dijawab Dalam Dewan  
Rakyat Daripada Kementerian**

**HARI ISNIN: 22 MAC 2010**

**CAWANGAN PERUNDANGAN  
PARLIMEN MALAYSIA.**

## **KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LIS AN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN  
(SOALAN NO. 12 HINGGA 73 )**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 11 [RUJUK**

**PENYATA RASMIHARIAN (HANSARD)]**

**SELASA: 16 MAC 2010 [SIDEK]**

**SOALAN NO: 12**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI  
MENTERIKESIHATAN MALAYSIA**

**LISAN**

**DARIPADA:**

**TARIKH  
PERTANYAAN**

**DR. SITIMARIAH BINTI MAHMUD  
[KOTA RAJA]  
: 22 MAC 2010**

**SOALAN**

**Dr. Siti Mariah Binti Mahmud (Kota Raja) minta MENTERI KESIHATAN menyatakan jumlah program "harm reduction" untuk pencegahan jangkitan HIV/AIDS semenjak program ini dimulakan dan sejauh manakah keberkesanan program ini.**

**Tuan Yang DiPertua,**

Kerajaan telah memutuskan untuk melaksanakan Program *Harm Reduction* ke atas penagih dadah suntikan (*Intravenous Drug User - IDU*) sejak tahun 2006 yang bertujuan bagi mengurangkan risiko jangkitan HIV/AIDS serta lain-lain penyakit seperti Hepatitis B dan C, khususnya di kalangan penagih dadah suntikan. Program *Harm Reduction* merangkumi Program Terapi Gantian Metadon (*Methadone Maintenance Therapy-MMT*) dan Program Pertukaran Jarum dan Alat Suntikan (*Needle Syringe Exchange Programme-NSEP*).

Program Terapi Gantian Metadon (MMT) telah dilaksanakan pada Oktober 2005 di fasiliti kerajaan dan klinik swasta. Sehingga Disember 2009, terdapat sejumlah 162

**buah pusat perkhidmatan MMT yang terdiri daripada 35 buah hospital kerajaan, 77 klinik kesihatan kerajaan, 14 buah klinik swasta, 24 pusat khidmat**

**Agensi AntiDadah Kebangsaan (AADK) dan 12 buah penjara telah melaksanakan program MMT.** Seramai 10,730 orang pesakit (penagih dadah suntikan) telah mendapatkan rawatan terapi gantian dengan kadar pengekalan pesakit sebanyak 70%.

**Program Pertukaran Jarum dan Alat Suntikan (NSEP)** pula telah dilaksanakan sejak Februari 2006 dengan komitmen dan kerjasama Kerajaan dan badan bukan kerajaan khususnya Majlis AIDS Malaysia. Sehingga Disember 2009 sebanyak duabelas (12) buah badan bukan kerajaan (NGO) di bawah naungan Majlis AIDS Malaysia telah melaksanakan aktiviti tersebut di 240 lokasi (*site*). Sebanyak 22 buah klinik kesihatan kerajaan turut terlibat melaksanakan aktiviti tersebut. Sehingga akhir Disember 2009, seramai 18,377 orang klien (penagih dadah suntikan) telah mengikuti program ini dengan pencapaian 66% kadar pemulangan jarum dan alat suntikan.

Pengalaman di 71 buah negara yang melaksanakan program *Harm Reduction* telah membuktikan bahawa pendekatan *harm reduction* telah dapat mengurangkan jangkitan HIV di kalangan penagih dadah suntikan (opioid). Di Malaysia, peratus jangkitan HIV di kalangan penagih dadah yang dilaporkan telah menunjukkan penurunan dari 66% pada tahun 2005 kepada 55% pada tahun 2009 berikutan perlaksanaan program harm reduction pada tahun 2006. Kajian *Integrated Bio Behavioural Surveillance* (IBBS) 2009 mendapati peratus amalan berkongsi jarum (semasa menagih) telah menurun kepada 12.7% berbanding 42.1% pada tahun 2004. Dari segi kekerapan berkongsi jarum, peratusan penagih yang berkongsi jarum lebih dari lima (5) kali seminggu juga turut berkurangan dari 15.9% dalam tahun 2004 kepada 2.3% sahaja dalam tahun 2009. Kesedaran dan pengetahuan penagih dadah mengenai HIV/AIDS didapati tinggi dengan 95% daripada penagih dadah tersebut mempunyai pengetahuan mengenai HIV/AIDS. Kesedaran dan perubahan tingkahlaku ini telah membantu dalam mengurangkan penularan jangkitan HIV di kalangan kumpulan sasar ini.

Program *harm reduction* yang dilaksanakan oleh Malaysia turut mendapat

**pengiktirafan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).** Seramai 67 orang dari empat negara iaitu Thailand, Iran, Lao PDR dan Indonesia telah melakukan lawatan belajar ke program *harm reduction* di Malaysia yang ditaja oleh WHO.

*Md > 13*

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>JAWAB LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>DATUK ABD RAHMAN BIN BAKRI (SABAK</b>
<b>TARIKH NO</b>	<b>BERNAM )</b>
<b>SOALAN</b>	<b>22.03.2010 ( ISNIN)</b>
	<b>13</b>

**DATUK ABD. RAHMAN BIN BAKRI ( SABAK BERNAM ) minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGUNAAN menyatakan bilangan koperasi yang telah diwujudkan melalui pendekatan “1 Komuniti,1 Koperasi” dan nyatakan sejauh mana pendekatan ini telah berjaya meningkatkan sumbangan sektor koperasi kepada ekonomi negara.**

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Pada masa ini terdapat 307 buah koperasi yang melaksanakan konsep ini. Koperasi-koperasi jenis ini telah berjaya melaksanakan pelbagai aktiviti bagi memberi perkhidmatan kepada anggota-anggotanya seperti pembersihan kawasan, kedai dobi, kedai runcit dan sebagainya.

Program "1 Komuniti, 1 Koperasi" (1K1K) telah dilancarkan oleh Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri pada 8 Mac 2010 di Kampung Paya Jeras Hilir, Sungai Buloh, Selangor. Konsep ini sebenarnya telahpun dijalankan oleh koperasi-koperasi seperti koperasi di taman-taman perumahan, koperasi keluarga, koperasi qariah masjid, koperasi orang kurang upaya dan sebagainya.

Penubuhan koperasi di komuniti-komuniti samada di bandar atau luar bandar selain mewujudkan perpaduan di kalangan masyarakat yang berbilang kaum, ia juga dapat meningkatkan taraf sosioekonomi mereka. Koperasi komuniti akan terlibat dalam memberi perkhidmatan bagi memenuhi keperluan masyarakat setempat melalui pendekatan self-help, disamping merebut peluang-peluang perniagaan yang wujud di kawasan sesuatu komuniti melalui program ini, ahli masyarakat juga dapat melibatkan diri secara terus dalam pembangunan sosioekonomi Negara.

**SOALAN NO: 14**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN                    LISAN**

**DARI PAD A                    YB TUAN TONY PUA KIAM WEE  
[PETALING JAYA UTARA]**

**TARIKH                            22 MAC 2010**

**SOALAN:**

**YB Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]** minta **Perdana Menteri** menyatakan bagaimana dana EKUINAS dapat meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam ekonomi sedangkan ia dibiayai oleh Kerajaan dan bukan daripada pelabur Bumiputera. Apakah perbezaan antara EKUINAS dengan dana pelaburan Kerajaan seperti 1MDB, Khazanah dan lain-lain.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Ekuiti Nasional Berhad (EKUINAS) ditubuhkan dengan tujuan meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam ekonomi secara bermakna

dan berkesan. EKUINAS merupakan syarikat *government-linked private equity fund management* yang bukan sahaja mengurus dana daripada sumber Kerajaan malah menjana dana dari sumber luar. EKUINAS mempunyai empat (4) fungsi utama iaitu:

- i. menggalakkan penglibatan berkesan dan berkekalan Bumiputera dengan menguasai pemilikan dan pengurusan syarikat dalam sektor korporat;
- ii. mengenai pasti usahawan Bumiputera yang berpotensi serta

- membina keupayaan usahawan Bumiputera sedia ada untuk terlibat secara efektif dalam sektor pertumbuhan strategik berasaskan meritokrasi;
- iii. mewujudkan usahasama tulen di antara Bumiputera dengan bukan Bumiputera dalam sektor strategik; dan
  - iv. meningkatkan tenaga kerja Bumiputera terutamanya dalam kategori pekerjaan pengurusan dan profesional.

Melalui penekanan kepada aspek penguasaan dan pengekalan pemilikan ekuiti, Kerajaan yakin EKUINAS mampu menjadi mekanisme yang berkesan untuk meningkatkan pemilikan ekuiti Bumiputera. Prinsip pemilihan *investee company* yang berasaskan meritokrasi dan ketulenan juga akan menyumbang kepada peningkatan pemilikan ekuiti Bumiputera yang lebih bermakna.  
Tuan Yang di-Pertua,

EKUINAS merupakan anak syarikat milik penuh Yayasan Ekuiti Nasional iaitu sebuah tabung amanah yang diwujudkan untuk kepentingan Bumiputera, sama seperti Permodalan Nasional Berhad yang merupakan anak syarikat milik penuh Yayasan Pelaburan Bumiputera, sebuah tabung amanah yang diwujudkan untuk menggalakkan penyertaan Bumiputera di dalam pasaran modal. Ini berbeza daripada 1 Malaysia Development Berhad atau Khazanah Nasional Berhad yang dimiliki sepenuhnya oleh Menteri Kewangan Diperbadankan.

**SOALAN NO: 15**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA                    TUAN MATULIDI BIN JUSOH**

**[DUNGUN]**

**TARIKH                    22 MAC 2010 (ISNIN)**

**SOALAN:**

Tuan Matulidi bin Jusoh [ Dungun ] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan jumlah duti hiburan yang telah dipulangkan oleh Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) kepada produksi filem tempatan sepanjang tahun 2009 sebagai galakan kewangan bagi memantapkan aliran pusingan modal bagi penerbitan filem dan nyatakan sejauh manakah Syarat Wajib Tayang FINAS telah dapat memartabatkan filem tempatan.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Dipertua,**

Pulangan duti hiburan merupakan sokongan Kerajaan kepada pengeluar filem tempatan bagi membantu industri filem tempatan terus berkembang. Pulangan duti hiburan sebanyak 25% dikembalikan kepada penerbit filem tempatan melalui FI NAS telah dilaksanakan sejak 1987.

Sehingga kini jumlah duti hiburan yang telah dipulangkan kepada penerbit-penerbit filem tempatan adalah sebanyak RM55.03 juta. Terdapat peningkatan yang ketara iaitu sebanyak RM4.30 juta pada tahun 2008 kepada RM8.63 juta pada tahun 2009. Bagi tahun 2009, sebanyak 26 buah filem telah ditayangkan dengan kutipan jualan tiket mencapai RM50.84 juta.

Bagi Skim Wajib Tayang, objektifnya adalah untuk memastikan filem tempatan mendapat hak dan keistimewaan tayangan di negara sendiri. Di bawah skim ini, pawagam yang dipilih diwajibkan membuat tayangan selama 14 hari berturut-turut. Sebelum diwujudkan Skim Wajib Tayang, para penerbit filem terpaksa bergantung pada kehendak pihak pawagam dan terpaksa bersaing dengan filem-filem asing yang lebih menguntungkan mereka.

**NO. AUM : 27**

**NO. AUP : <sup>Ifc></sup>**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

<b>PERTANYAAN :</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARI PADA</b>	<b>TUAN CHONG CHIENG JEN [ BANDAR KUCHING ]</b>
<b>TARIKH</b>	<b>22 MAC 2010</b>
<b>RUJUKAN</b>	<b>2366</b>

**SOALAN:**

**Tuan Chong Chieng Jen [ Bandar Kuching ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah kriteria-kriteria yang digunakan oleh pihak Polis (PDRM) untuk mengendalikan aduan- aduan Dayak atau orang asli atas pencerobohan tanah Native Customary Right (NCR) mereka oleh syarikat-syarikat pembalak dan peladang.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Bandar Kuching yang mengemukakan soalan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, Pihak polis akan menggunakan kuasa di bawah Bab XIII Kanun Tatacara Jenayah (Akta 593) untuk menyiasat sebarang aduan mengenai perlakuan jenayah termasuk aduan yang diterima dari masyarakat Bumiputera di Sarawak.

Siasatan ini tidak terkecuali ke atas mana-mana pihak termasuk syarikat pembalakan dan peladang jika ianya terdapat perlakuan jenayah ke atas pencerobohan Native *Customary Rights* (NCR) seperti yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat.

**Soalan No: 17**

### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN TAN AH ENG**

**[ GELANG PATAH - BN ]**

**TARIKH**

**22 MAC 2010 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 17 Puan Tan Ah Eng [ Gelang Patah - BN ] minta Menteri**

**Belia Dan Sukan**

**menyatakan:-**

- (a) sambutan golongan muda terhadap Program Belia Mahir 1 Malaysia melalui Pentaulahan Pencapaian Terdahulu (PPT); dan
- (b) adakah bidang lain seperti tukang masak akan diberi keutamaan untuk program ini.

**JAWAPAN:**

- (a) Berdasarkan maklum balas yang diterima daripada persatuan-persatuan yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan Program Belia Mahir 1 Malaysia ini, sambutan dari kalangan golongan belia adalah amat menggalakkan. Walau bagaimanapun, pada masa ini pihak persatuan sedang menjalankan tapisan bagi memastikan belia yang menepati syarat kelayakan sahaja akan dicadangkan kepada Kementerian bagi proses pentaulahan persijilan tersebut.

- (b) Kementerian Belia dan Sukan sememangnya bercadang untuk memperluaskan lagi Program Belia Mahir 1 Malaysia ini pada masa akan datang kepada bidang- bidang lain seperti tukang masak. Namun, ia bergantung kepada kejayaan “Pilot Project” yang akan dijalankan ini.

Mis 18

SJ.B/(30)

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA** **DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR  
(POKOKSENA)**

**PERTANYAAN** **LISAN**  
**TARIKH** **22.03.2010** **Ho : |Q**

Dato' Haji Mahfuz bin Omar ( Pokok Sena ) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan 17 syarikat Kerajaan (GLC) yang akan dilepaskan pegangannya oleh Kerajaan kepada pihak swasta dan nyatakan rekod keuntungan syarikat tersebut untuk tempoh 10 tahun terakhir.

dan

SJ.B/(102)

**DARIPADA** **DATUKCHUA SOON BUI (TAWAU)**  
**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**TARIKH** **07.04.2010**

Datuk Chua Soon Bui ( Tawau ) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan:

- (a) bilangan, nama dan jenis pembiagaan Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan yang di cadang untuk dijual oleh Kerajaan pada tahun ini; dan



- (b) berapakah jumlah pendapatan yang boleh diperoleh Kerajaan daripada setiap syarikat berbanding jumlah pelaburan. Apakah rasional menjual syarikat-syarikat ini.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mohon untuk menjawab pertanyaan yang dikemukakan oleh YB Pokok Sena yang dijadualkan pada hari ini bersama pertanyaan YB Tawau yang dijadualkan pada 7 April 2010, memandangkan kedua-dua pertanyaan tersebut menyentuh perkara yang hampir sama.

2. Untuk makluman Yang Berhormat Pokok Sena dan Yang Berhormat Tawau, ketika pembentangan Bajet 2010 yang iatu, Kerajaan telah mengumumkan untuk mengurangkan secara beransur-ansur penglibatannya dalam aktiviti ekonomi yang bersaing dengan sektor swasta. Untuk tujuan itu, Kerajaan akan menswastakan syarikat di bawah kementerian Kewangan dan agensi Kerajaan yang berdaya maju. Gelombang kedua penswastaan ini bermatlamat membolehkan syarikat dan agensi berkenaan beroperasi dengan lebih cekap. Pada masa ini, Kerajaan sedang menjalankan kajian bagi mengenai pasti syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan yang berpotensi sama ada untuk diswastakan atau diiupuskan (*divest*) pegangan oleh Kerajaan. Penilaian ini juga adalah merupakan proses berterusan yang sentiasa dijalankan oleh Kerajaan bagi memastikan syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan mencapai sasaran prestasi yang ditetapkan.

3. Kajian ini juga akan mengenal pasti kaedah penswastaan atau

pelupusan yang bersesuaian yang boleh diambil oleh Kerajaan bagi mendapatkan nilai terbaik bagi setiap syarikat yang terlibat. Keputusan sama ada untuk melupuskan (*divestment*) pegangan Kerajaan dalam syarikat-syarikat berkenaan melalui kaedah penswastaan ataupun penjualan adaiah bergantung kepada hasil kajian yang sedang dijalankan. Antara faktor penting yang akan diambil kira adalah prestasi syarikat tersebut serta potensi masa hadapannya.

t

4. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat juga, pengumuman lanjut mengenai inisiatif penswastaan ini akan dibuat, setelah keputusan mengenainya diputuskan kelak.

**NO. SOALAN : 19**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA** Y. B DATUK SERI SYED HAMID BIN SYED  
JAAFAR ALBAR [ KOTA TINGGI ]

**TARIKH** 22 MAC 2010

**SOALAN :**

Datuk Seri Hamid bin Syed Jaafar Albar [ Kota Tinggi ] Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan dalam merealisasikan transformasi Malaysia untuk menjadi sebuah Negara berpendapatan tinggi dan sejauh usaha-usaha masa kini bagi menepati sasaran.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah mengenalpasti langkah-langkah dalam merealisasikan transformasi Malaysia dalam

pembangunan Negara sebagaimana yang diwar-warkan oleh YAB. Perdana Menteri iaitu dengan berteraskan 4 tonggak utama iaitu Gagasan 1 Malaysia, Program Transformasi Kerajaan, Model Ekonomi Baru (NEM) dan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10). Sehubungan dengan itu, pelaksanaan NEM akan dapat memastikan dan merealisasikan transformasi Malaysia untuk menjadi sebuah Negara berpendapatan tinggi dan mencapai status negara maju pada tahun **2020**.

.m  
**SJ.B/(LISAN)/( )**

**DARIPADA** **PEMBERITAHU PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**  
**TUAN AZAN BIN ISMAIL**  
**(INDERA MAH KOTA)**

**PERTANYAAN** **LISAN**

**TARIKH** **22.03.2010**

Tuan Azan bin Ismail (Indera Mahkota) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan tentang kedudukan ekonomi negara pada masa kini terutama kesan selepas pengumuman dan petaksanaan dasar liberalisasi.

dan

**SJ.B/(LISAN)/( )**

**DARIPADA** **DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD (KUALA SELANGOR)**

**PERTANYAAN** **LISAN**

**TARIKH** **15.04.2010**

Dr. Haji Dzulkefly Bin Ahmad (Kuala Selangor) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan apakah kesan baik yang telah dapat disaksikan sejak polisi liberalisasi dimulakan khususnya dalam sektor- sektor perkhidmatan termasuk juga sektor kewangan dan perbankan.

Tuan Yang di-Pertua,

1. Saya mohon untuk menjawab pertanyaan daripada Ahli Yang Berhormat Indera Mahkota yang dijadualkan pada 22 Mac 2010 bersama pertanyaan Ahli Yang Berhormat Kuala Selangor yang dijadualkan pada 15 April'2010, memandangkan kedua-dua pertanyaan tersebut menyentuh isu yang sama.
2. Langkah liberalisasi bersama dua pakej rangsangan disokong oleh keadaan ekonomi global dan negara yang bertambah baik telah berjaya memulihkan ekonomi negara. Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara telah kembali pulih dan mencatatkan pertumbuhan kukuh sebanyak 4.5% pada suku keempat 2009 selepas mengalami penguncutan tiga suku berturut-turut sebelum ini. Di samping itu, sentimen perniagaan dan pengguna semakin bertambah baik. Langkah memansuhkan Garis Panduan FIC telah juga memberi keyakinan kepada para pelabur, terutamanya dalam pasaran ekuiti. Ini jelas dilihat daripada peningkatan ketara Indeks FBM KLCI kepada 1,298.86 mata pada 16 Mac 2010 berbanding 968.58 mata pada 22 April 2009 apabila liberalisasi sektor perkhidmatan diumumkan.
3. Langkah liberalisasi ini juga telah memberi manfaat kepada sektor pelancongan, khususnya program Malaysia Rumah Keduaku (MM2H). Pada tahun 2009, bilangan ketibaan pelancong mencatatkan peningkatan sebanyak 7.2% kepada 23.6 juta pelancong, manakala jumlah peserta MM2H telah meningkat 13.4% kepada 13,316 peserta.

1  
Di samping itu, subsektor perdagangan borong dan runcit juga mencatatkan peningkatan, di mana sejumlah 81 pasar raya besar dan *superstore* milik asing telah beroperasi di seluruh negara pada akhir September 2009 berbanding 71 buah tahun sebelumnya.

4. Bagi subsektor kewangan, liberalisasi dalam subsektor ini telah berjaya menarik lebih penyertaan asing ke dalam negara. Ini termasuk bank Islam, syarikat broker saham, syarikat pengurusan dana dan syarikat pengurusan dana Islam yang telah beroperasi di dalam negara. Langkah liberalisasi sektor kewangan yang diumumkan pada April 2009 telah juga menerima sambutan baik daripada institusi-institusi kewangan terkemuka. Baru-baru ini, Kerajaan telah meluluskan lesen bank komersial kepada *Industrial and Commercial Bank of China Limited* yang merupakan bank terbesar di negara China.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Secara umumnya, langkah liberalisasi telah memberikan impak positif kepada ekonomi negara. Negara akan memperoleh manfaat yang lebih besar daripada usaha liberalisasi sektor perkhidmatan ini dengan lebih ketara dalam jangka masa sederhana dan panjang. fni kerana para pelabur memerlukan perancangan yang teliti untuk membuat keputusan pelaburan dalam suasana ekonomi dunia yang masih mencabar dan seterusnya mengekang keupayaan mereka untuk meluaskan pasaran. Pada masa yang sama, usaha juga sedang dijalankan untuk membangunkan kapasiti dan keupayaan industri domestik untuk menghadapi persaingan di peringkat global.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>JAWAB LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL</b>
	<b>( PAYA BESAR )</b>
<b>TARIKH</b>	<b>22.03.2010 (ISNIN )</b>
<b>NO SOALAN</b>	<b>21</b>

**DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL ( PAYA BESAR )** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGUNAAN** menyatakan masalah kenaikan harga barang yang seolah-olahnya tidak terkawal menyebabkan kadar inflasi meningkat dengan ketara. Apakah Kerajaan perlu menambah barang-barang keperluan harian ke dalam senarai barang-barang terkawal di samping turut mengawal harga makanan dan minuman di restoran-restoran.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Terdapat 7 jenis barang kawalan sepanjang masa dan telah ditetapkan harga silingnya. Penetapan harga siling ini adalah secara persetujuan bersama antara pengeluar dan KPDKKK, manakala penguatkuasaannya dilakukan secara

pentadbiran sahaja. Pengeluar-pengeluar barang kawalan tidak boleh menaikkan harga tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran daripada KPDKKK. Manakala gula pasir putih bertapis dan topeng muka (pembedahan/perubatan) merupakan barang kawalan sepanjang masa dikawal secara undang-undang kerana penetapan harga silingnya telah diwartakan.

2 Manakala semasa musim perayaan, kementerian akan mengumumkan beberapa jenis barang sebagai barang harga terkawal yang juga ditetapkan harga siling bagi tiap-tiap barang terlibat di satu-satu kawasan dalam tempoh-tempoh tertentu. Contohnya pada musim perayaan Tahun Baru Cina 2010 yang lalu, terdapat 11 barang yang diisyiharkan sebagai barang harga terkawal dan ditetapkan harga siling borong dan runcit di semua kawasan di seluruh negara bagi tempoh 12 hari iaitu 10 hingga 21 Februari 2010. Sepanjang tempoh pelaksanaan skim ini, sejumlah 61 kes telah dihasilkan yang melibatkan nilai rampasan berjumlah RM6,651.56 dan kompaun yang ditawarkan bernilai RM6,350.00. Penetapan harga terkawal ini berasaskan kepada aliran harga melalui proses kutipan harga dan kajian kos barang terlibat. Antara kesalahan yang sering dilakukan adalah gagal menggunakan tanda harga khas merah jambu, tiada tanda harga dan gagal pamer lesen. Melalui kaedah harga siling, Kementerian dapat memastikan peniaga tidak menjual melebihi harga siling dan pengguna tidak ditipu. Kaedah tersebut juga dapat menstabilkan bekalan barang terlibat kerana harga siling dikawal meliputi harga borong dan runcit.

4. Pada masa ini, Kementerian merasakan tiada keperluan untuk menambah barang-barang keperluan harian ke dalam senarai barang-barang terkawal

kerana perubahan harga tidak dipengaruhi oleh isu tetapi kebanyakannya adalah kerana faktor-faktor lain yang mempengaruhi harga barang tersebut. Contohnya kenaikan harga bahan bakar, harga bahan mentah(import), struktur sewa tanah/bangunan, struktur upah/gaji dan sebagainya.

Mr; £2^

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN**

**JAWAB LISAN**

**DARIPADA**

**YB DATO' KAMARUDIN 13 IN JAFFAR**

**[TUMPAT]**

**TARIKH**

**22 MAC 2010**

**SOALAN [22]**

**YB DATO<sup>1</sup> KAMARUDIN BIN JAFFAR [ Tumpat ]**

**minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan apakah dasar**

**Kerajaan terhadap pembangunan kuasa nuklear oleh Iran.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua

Terima kasih kepada Yang Berhormat Tumpat di atas soalan yang dikemukakan.

2. Iran mempunyai hak yang sama dengan negara-negara lain bagi membangunkan dan menggunakan tenaga nuklear untuk tujuan aman. Hak ini juga terjamin dalam Triti Ketakcambahan Nuklear atau *dengan izin*, Nuclear Non-Proliferation Treaty yang dianggotai oleh Iran.
3. Walau bagaimanapun, dalam membangunkan kuasa nuklear untuk tujuan aman, Iran sepertimana juga dengan negara-negara lain, mempunyai tanggungjawab untuk melaksanakan program nuklearnya berdasarkan kepada prinsip ketelusan dan berpandukan kepada segala kepiawaian kawalseliaan antarabangsa atau *dengan izin*, international safeguards standard yang ditetapkan oleh Agensi Tenaga Atom Antarabangsa atau *dengan izin*, International Atomic Energy Agency (IAEA).
4. Sehubungan dengan ini, Iran perlu memenuhi segala tuntutan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan juga Lembaga Gabenor Agensi Tenaga Atom Antarabangsa bagi mengikis sebarang keraguan masyarakat antarabangsa ke atas matlamat sebenar program nuklear Iran. Dalam hal ini, Kerajaan sentiasa menasihati Iran agar melaksanakan tanggungjawab antarabangsanya dengan memberikan kerjasama penuh kepada Agensi Tenaga Atom Antarabangsa dalam usaha Agensi tersebut mengesahkan bahawa program nuklear Iran adalah bagi tujuan aman.

Sekian, terima kasih.

**NO. AUM : 67**

**NO. AUP :**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

<b>PERTANYAAN :</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>DATUK RICHARD RIOT ANAK JAEM</b>
	<b>[SERIAN]</b>
<b>TARIKH</b>	<b>22 MAC 2010</b>
<b>RUJUKAN</b>	<b>2370</b>

**SOALAN:**

**Datuk Richard Riot anak Jaem [ Serian ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan memandangkan pasukan RELA telah menunjukkan prestasi yang baik dan komitmen yang tinggi dan telah membantu menjaga ketenteraman awarn, adakah Kerajaan bersedia untuk memberi sepasang pakaian seragam kepada anggota-anggota yang aktif.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Serian yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang Mulia ini,

Kementerian ini melalui Ibu Pejabat RELA (RELA) Malaysia telahpun membekalkan satu pasang pakaian seragam RELA kepada anggota-anggota Rela yang aktif dan yang sering terlibat dengan program-program dan operasi yang dijalankan oleh RELA.

**MAKLUMAT TAMBAHAN**

1. Sebanyak 247,500 pasang pakaian seragam RELA disediakan untuk tempoh mulai 1 April 2007 hingga 31 Mac 2010. Niiai kontrak pula berjumlah RM 7,010,250.
2. Di antara April 2007 - 1 Mac 2010 agihan pakaian seragam RELA di Sarawak adalah berjumlah 27,417 pasang dan di Sabah juga sebanyak 25,320 pasang
3. Adalah agak sukar untuk membekalkan pakaian seragam kepada semua anggota di seluruh Negara kerana bilangan anggota RELA pada masa ini berjumlah melebihi satu juta orang.

4. Jumlah Ahli RELA Daerah Serian seramai 7,116 orang. Setakat ini seramai 390 anggota telah dibekalkan pakaian seragam satu pasang seorang. Sebanyak 1,000 pasang lagi akan dihantar ke Daerah SERIAN.
5. Anggota RELA yang aktif bermaksud, mereka yang kerap terlibat dengan aktiviti-aktiviti RELA seperti Ops-Tegas PATI, operasi-operasi bantuan kepada agensi keselamatan, aktiviti kemasyarakatan dan aktiviti lain yang dianjurkan oleh pihak RELA atau agensi-agensi kerajaan.

**SOALAN : 24**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA                    Y.B. TUAN LIEW CHIN TONG  
(BUKIT BENDERA)**

**TARIKH                    22 MAC 2010**

**SOALAN:**

**Y.B. TUAN LIEW CHIN TONG** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kos kajian Majlis Tindakan Ekonomi Kebangsaan (NEAC) "Impact of Foreign Workers on the Malaysian Economy" dibentangkan 29 September 2004 dan adakah cadangan-cadangan terkandung dalamnya ditimbangkan sama sekali dan apa dasar bantuan yang telah dilaksanakan berdasarkan laporan kajian tersebut.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, kos kajian "Impact of Foreign Workers on the Malaysian Economy" adalah sebanyak RM1.16 juta.

|

Cadangan-cadangan yang terkandung di dalam kajian tersebut telah dibentangkan dan ditimbangkan dalam Mesyuarat Exco MTEN 27 Julai 2004. Seterusnya, Nota Kabinet mengenai kajian ini, yang mengandungi cadangan penambahbaikan dalam kajian tersebut telah dibentangkan pada Mesyuarat Jemaah Menteri pada 28 Julai 2004.

Dasar baru yang telah dilaksanakan berdasarkan laporan kajian "*Impact of Foreign Workers on the Malaysian Economy*" adalah seperti berikut:

- a) KDN mewujudkan pasukan petugas khas untuk meneliti semula dasar dan prosedur pengambilan pekerja asing secara

keseluruhan.

- b) Ditubuhkan Pusat Kelulusan Setempat (*One Stop Centre*) untuk memproses permohonan majikan yang lengkap dan layak mengambil pekerja asing. OSC dianggotai oleh wakil/ pegawai daripada 6 agensi iaitu KDN, MITI, KSM, KPIAT, KPPK dan CIDB.
- c) Jawatankuasa baru ditubuhkan untuk memantau prosedur permohonan baru dan dianggotai oleh MITI, KSM, KPPK, KPIAT, KKR dan dipengerusikan oleh KDN. Jawatankuasa ini akan bertindak sebagai Jawatankuasa Kerja kepada JKPKA.
- d) *Job Clearing System* (JCS) menjadi satu syarat bagi memastikan semua pekerjaan ditawarkan kepada rakyat tempatan terlebih dahulu. Majikan dinasihatkan supaya memohon JCS lebih awal bagi mengelakkan sebarang kelewatan untuk mendapatkan pekerja asing.
- e) KSM telah memperkenalkan Buku Panduan, Dasar, Prosedur & Syarat-syarat Penggajian pekerja Asing di Malaysia dan diedarkan kepada majikan yang ingin mengambil pekerja asing dan seterusnya memastikan proses pengambilan pekerja asing menjadi lebih teratur dan berkesan.
- f) Mulai 1 April 2009, majikan akan menanggung bayaran levi (bertujuan mengurangkan kebergantungan industri terhadap pekerja asing).
- g) Selain daripada itu, bagi memperkuatkan lagi sistem pengurusan pekerja asing negara beberapa Moll telah ditandatangani antaranya

adalah:

- a. MoU Malaysia-Indonesia (PRA) 13 Mei 2006
- b. MoU Malaysia-India 3 Januari 2009

Walaupun cadangan-cadangan dalam kajian tersebut telahpun dilaksanakan, perlu ditegaskan bahawa Kerajaan adalah prihatin dan memantau perkembangan pekerja asing di negara.

**SJ.B/(LISAN)/(32)**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA**

**DATO' SERI HAJI AZMI BIN KHALID  
(PADANG BESAR)**

**PERTANYAAN :**

**LISAN**

**TARIKH**

**22.03.2010**

**WO \* 25**

**Dato' Seri Haji Azmi bin Khalid (Padang Besar) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan kenapa pihak KWSP perlu menaikkan bayaran borang tender dari RM50 kepada RM750 (bagi satu set borang) untuk projek-projek di bawah kelolaannya.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Untuk makluman Yang Berhormat, pihak KWSP tidak pernah menaikkan harga pembelian dokumen tender sejak tahun 2005. Sepanjang tahun 2009, cuma tujuh dokumen tender yang dijual pada harga melebihi RM1,000. Senarai sebenar harga dokumen tender dan bilangan tender yang dikeluarkan oleh KWSP pada tahun 2009 dan 2010

23/05/2010 < = \*» FAI 0<sub>me</sub>

**(sehingga Februari 2010.) adalah seperti berikut:**

Harga Dokumen Tender	Bilangan Tender	
	Tahun 2009	Tahun 2010 (Sehingga Feb 2010)
Tidak melebihi RM 100.00	14	-
RM 101.00 hingga RM 500.00	21	1
RM 501.00-RM 1,000.00	6	1
RM 1,001.00-RM 3,000.00	6	2
Melebihi RM 3,001.00	1	-

2. Secara keseluruhannya, harga jualan dokumen tender ditentukan berdasarkan kepada skop kerja dan nilai projek tersebut. Harga dokumen tender yang lebih tinggi ini bertujuan untuk memastikan hanya syarikat yang boleh memberi komitmen yang padu, mempunyai keupayaan kewangan yang kukuh dan berdaya saing tinggi sahaja yang akan mengambil bahagian dalam perolehan tersebut.
3. Sebagai pemegang amanah kepada 12.4 juta ahli, KWSP sentiasa mengamalkan ketelusan dalam proses perolehan sebagai sebahagian daripada tadbir urus korporat yang baik bagi memastikan syarikat yang benar-benar layak sahaja dilantik untuk melaksanakan kejayaan/projek di KWSP.



**SOALAN (26)**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 22 MAC 2010 (ISNIN)**

**DARIPADA : Y.B. TUAN MANOGARAN A/L  
MARIMUTHU (TELUK INTAN)**

**SOALAN**

**Y.B. TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU (TELUK INTAN) minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan:-**

- (a) baru-baru ini dilaporkan lebih kurang 1400 pemaju perumahan disenarai hitamkan. Berapakah jumlah mengikut negeri.; dan
- (b) adakah syarikat pemaju serta pengarah yang disenarai hitamkan dibenarkan menubuh syarikat lain samada dalam bidang pemaju perumahan atau pembiagaan lain.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang DiPertua,**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berikut merupakan maklumat berkaitan pemaju yang disenarai hitam: -**

<b>Statistik Senarai Hitam</b>		
<b>Pihak yang disenarai</b>	<b>Sehingga</b>	<b>Sehingga 5</b>
hitam	30 November 2009	Mac 2010

Pemaju	1345	1120
Lembaga Pengarah	4659	3939

**Statistik Senarai Hitam Mengikut Pecahan Negeri**

NEGERI	JUMLAH PEMAJU DISENARAI HITAM
Selangor	359
Kuala Lumpur	206
Johor	110
Kedah	69
Perak	76
Pulau Pinang	74
Pahang	65
Terengganu	46
Negeri Sembilan	45
Kelantan	39
Melaka	28
Perlis	3
<b>JUMLAH BESAR</b>	<b>1120</b>

Mengikut peruntukan Seksyen 6(l)(e) Akta 118, pemaju serta ahli lembaga pengarah

**yang telah disabitkan di mahkamah, yang dikenakan hukuman denda lebih daripada RM10,000 dan yang akan dipenjarakan bagi mana-mana kesalahan, akan kenakan tindakan senarai hitam.**

**Senarai hitam di peringkat Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) hanya dilakukan secara pentadbiran. Oleh itu, KP KT tidak mempunyai kuasa untuk menghalang pemaju yang telah disenarai hitam daripada menubuhkan syarikat baru atau berkecimpung dalam apa-apa perniagaan. Ini adalah kerana penubuhan syarikat adalah tertakluk di bawah Akta Syarikat yang digunakan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Tindakan senarai hitam oleh KP KT hanya dapat mengawal pengeluaran Lesen Pemajuan Perumahan serta Permit Iklan dan Jualan, yang berada di bawah bidang kuasa KP KT.**

**Kementerian Perumahan dan  
Kerajaan Tempatan**

**Mac 2010**

**SOALAN 27**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>DATUK HAJI YUSOFF BIN HAJI MAHAL [LABUAN]</b>
<b>TARIKH</b>	<b>22 MAC 2010</b>

**Meminta** **MENTERI**  
**PELANCONGAN menyatakan:**

**SOALAN** apakah projek pembangunan pelancongan yang bakal dilaksanakan dalam RMKe-10.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan projek pembangunan pelancongan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) masih di peringkat pertimbangan untuk kelulusan oleh Unit Perancangan Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri.

Cadangan projek pembangunan bagi RMKe-10 adalah termasuk dalam kategori-kategori seperti berikut:

- a) Kajian-kajian pelancongan;
- b) Penyediaan/peningkatan kemudahan pelancongan;
- c) Pembangunan ekopelancongan;
- d) Pembangunan sistem teknologi maklumat bersepadu pelancongan;
- e) Penyediaan papan tanda dan papan penerangan pelancongan;
- f) Peningkatan kemudahan inap desa (homestay);
- g) Pembangunan produk pelancongan khusus; dan
- h) Pembangunan data pelancongan.

Keutamaan pelaksanaan akan diberikan kepada projek-projek yang dapat membangunkan serta menambahkan daya

tarikan sesuatu kawasan pelancongan terutama yang merupakan ikon negeri atau pun produk khusus, menjana peluang-peluang pekerjaan dan perniagaan baru bagi penduduk setempat serta meningkatkan keselesaan dan keselamatan bagi kepuasan para pelancong.

Soalan No: 28

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA TUAN NGA KOR MING

[ TAIPING - DAP ]

TARIKH 22 MAC 2010 (ISNIN)

**SOALAN NO. 28**

Tuan Nga Kor Ming [ Taiping - DAP ] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan secara terperinci jumlah perbelanjaan yang terlibat dalam penganjuran **Monsoon Cup** di Terengganu sejak pertandingan kapal layar tersebut dilancar beberapa tahun yang lepas.

**JAWAPAN:**

1. Jumlah perbelanjaan penganjuran Monsoon Cup di Terengganu sejak ia mula diperkenalkan pada tahun 2005 sehingga 2009 adalah sebanyak RM99,005,861.
2. Penganjuran Monsun Cup pada tahun 2005 telah melibatkan perbelanjaan Kerajaan sebanyak RM15,844,280. Pada tahun 2006, perbelanjaan yang

**terlibat adalah sebanyak RM 19,772,772; pada tahun 2007 pula, sebanyak RM22,611,493 telah dibelanjakan; manakala RM20,777,316 untuk tahun 2008. Bagi tahun 2009 pula, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM20,000,000.**



NO.AUM : 59

NO.AUP

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

DATO' SERI TIONG KING SING [ BINTULU ]

TARIKH

22 MAC 2010

RUJUKAN

2369

SOALAN:

DATO' SERI TIONG KING SING [ Bintulu ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan:-

- (a) Setakat ini berapakah jumlah penduduk negara ini yang berjaya dalam permohonan PR mereka. Berapakah lingkungan umur bagi golongan yang berjaya tersebut dan berapakah peratus agihannya antara kaum Melayu, Cina, India dan sebagainya; dan
  
- (b) Adakah pihak Kementerian berhasrat untuk menyelesaikan permohonan yang belum berjaya dalam masa terdekat (tempoh).

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih diucapkan kepada Ahli Yang Berhormat kerana bertanyakan soalan tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sebelum seseorang warganegara asing memperoleh status Pemastautin Tetap atau Penduduk Tetap (*Permanent Resident- PR*), mereka perlu mendapatkan Permit Masuk (Entry Permit) terlebih dahulu selaras dengan peruntukan seksyen 10(1) Akta Imigresen 1959/63. Seseorang warga asing yang telah dikeluarkan Permit Masuk adalah layak untuk memohon taraf Pemastautin Tetap bagi membolehkan mereka dikeluarkan Kad Pengenalan Merah atau MyPR oleh Jabatan Pendaftaran Negara

(a) Jumlah kelulusan Permit Masuk bagi tahun 2001 hingga 2009 adalah 20,183. Oleh kerana Permit Masuk dan PR dikeluarkan kepada warganegara asing, maka Kementerian tidak mempunyai statistik mengikut pecahan kaum mahupun memperincikan maklumat tersebut mengikut umur. Walau bagaimanapun, statistik mengikut kewarganegaraan pemohon bagi 6 negara yang paling ramai adalah seperti berikut:

Indonesia	6,711
i. Thailand	4,952
ii. India	3,258
iv. Singapura	1,588
v. Filipina	1,371



vi.	Taiwan	-	553
vii.		Lain-lain -	1,750

Pada tahun lepas Kementerian dan Jabatan Imigresen Malaysia telah menubuhkan Jawatankuasa Khas (*Task Force*) bagi menyelesaikan permohonan dan rayuan Permit Masuk yang tertangguh. Hasilnya sebanyak 16,812 permohonan baru dan yang tertangguh sehingga 2008 telah berjaya diselesaikan dan sekali gus telah mencapai sasaran ditetapkan.

Bagi permohonan dan rayuan Permit Masuk yang baru diterima pada tahun 2009 dan 2010, Kementerian dan Jabatan Imigresen Malaysia memproses secara berterusan dan akan memastikan keputusan dapat dikeluarkan kepada pemohon dalam tahun ini

## **SOALAN NO: 30**

### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN: LISAN**

**DARIPADA: Y.B. DR. TAN SENG GIAW**

**TARIKH: 22 MAR 2010**

**SOALAN:**

**Y.B. Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan dasar, langkah dan prestasi untuk menarik diaspora Malaysia misalnya pakar-pakar dipelbagai bidang kembali ke negara ini. Jika negara-negara seperti Australia, UK, USA, Singapura dan Kanada boleh telus, tepat dan cepat mengenai jawatan-jawatan kosong serta menjawab permohonannya dengan seberapa segera, apakah masalah yang dihadapi oleh Malaysia.**

**PR-1231-L36936**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Saya mohon izin menjawab pertanyaan ini bersama-sama pertanyaan daripada ahli Yang Berhormat Tebrau pada 22 Mac 2010, Yang Berhormat Tanah Merah dan Yang Berhormat Alor Gajah, Yang Berhormat Selayang, Yang Berhormat Pulai pada 7 April 2010 kerana ia berkait dengan isu yang sama.

**Tuan Yang Di Pertua,**

Kerajaan mempunyai dua program untuk menarik pakar dan profesional rakyat Malaysia dan warganegara asing untuk bekerja di Malaysia. Program pertama ialah “*Program*

*Brain Gain Malaysia*" yang dikendalikan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI). Program kedua dinamakan "Program Menggalakkan Warganegara Malaysia Berkepakaran yang Bekerja di Luar Negara Pulang ke Malaysia (*Returning Expert Program - REP*) " yang dikendalikan oleh Kementerian Sumber Manusia (KSM).

Program yang dilaksanakan di bawah KSM dan MOSTI juga boleh dipohon melalui atas talian (online) dan semua syarat-syarat permohonan telah dinyatakan secara jelas dan telus.

Di bawah program REP, pelbagai insentif ditawarkan, antaranya seperti pengecualian cukai ke atas dua buah kereta yang dibawa pulang dan pemberian taraf penduduk tetap kepada pasangan dan anak-anak yang bukan warganegara Malaysia.

Di bawah program REP, sehingga 18 Mac 2010, seramai 622 pemohon telah pulang dan bekerja di Malaysia. Bagi menggalakkan lebih ramai pakar dan profesional yang berada di luar negara pulang dan berkhidmat di Malaysia, KSM dan MOSTI kini sedang menyusun semula program REP dan Brain Gain Malaysia bagi mewujudkan *Brain Gain One-Stop Centre (BG-OSC)*. Langkah ini bertujuan untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan program tersebut umpamanya melalui kaedah *reaching out* dan promosi yang lebih agresif.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian menyedari terdapat ramai pekerja mahir dan berkepakaran yang berhijrah ke luar negara setiap tahun atas pelbagai faktor, seperti untuk mencari pekerjaan yang lebih lumayan gajinya, mengikut keluarga dan melanjutkan

pelajaran. Kerajaan tidak boleh menyekat penghijrahan rakyat Malaysia keluar negara atas faktor-faktor tersebut dan fenomena ini merupakan fenomena global yang berlaku di seluruh dunia, khususnya penghijrahan ke negara jiran yang menawarkan gaji yang lebih tinggi.

Fenomena ini juga berlaku ke atas rakyat Malaysia yang berpindah ke Singapura atas faktor gaji yang lebih tinggi. Contohnya, pengawal keselamatan warganegara Malaysia yang bekerja di Singapura untuk lapan jam sehari dan enam hari seminggu mendapat gaji antara SGD 900-SGDI,100 sebulan, iaitu bersamaan RM2,150-RM2,650.

Kementerian tiada maklumat mengenai bilangan sebenar rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura. Walau bagaimanapun, berdasarkan kajian oleh Unit Perancang Ekonomi Malaysia dianggarkan seramai 314,000 rakyat Malaysia bekerja di Singapura.

Dalam tempoh 2003 sehingga 2009, terdapat seramai 23,233 orang rakyat Malaysia yang memohon untuk penolakan kewarganegaraan Malaysia (*renunciation of citizenship*), untuk menjadi warganegara Singapura. Daripada jumlah tersebut, lebih kurang 95.0% adalah kaum Cina, 3.0% kaum India, 1.6% kaum Melayu dan 0.4% lain-lain. Dalam hal ini, Kerajaan tidak berhasrat untuk menyekat mana-mana individu daripada menukar kewarganegaraan memandangkan ia adalah hak asasi individu tersebut.

### **SOALAN NO. 31**

#### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN :**

#### **JAWAB LISAN**

**DARIPADA**

**YB DATO' SHAMSUL ANUAR BIN NASRAH  
(BN) (LENGGONG)**

**TARIKH**

**22 MAC 2010 (ISNIN)**

**SOALAN**

**YB Dato' Shamsul Anuar bin Nasrah (BN) (Lenggong) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan**

- a) Usaha membendung masalah pembuangan bayi dan menghindarkan wanita-wanita muda melahirkan anak sebelum kahwin; dan
- b) Statistik masalah sosial dalam negara ini mengikut negeri, kaum, jantina dan kes. Apakah usaha-usaha Kementerian dalam menyedarkan keluarga mengenai kes ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat memandang serius akan masalah pembuangan bayi. Sungguhpun begitu, tanggungjawab menangani masalah ini bukanlah semata-mata terletak di bahu Kerajaan khususnya KPWKM semata-mata, tetapi juga anggota masyarakat.

KPWKM melalui dua agensinya iaitu Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan

Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) melaksanakan pelbagai usaha membendung masalah pembuangan bayi oleh wanita-wanita muda yang melahirkan anak sebelum berkahwin ini termasuklah:

**(a) Menyediakan Tempat Perlindungan**

JKM menyediakan tempat perlindungan bagi menempatkan kanak-kanak atau wanita yang mengandung bagi melahirkan anak sebelum berkahwin.

Institusi-institusi JKM yang memberi perkhidmatan ini adalah:

**(i) Taman Seri Puteri**

Institusi ini menyediakan kemudahan perlindungan dan pemulihan kepada kanak-kanak perempuan berumur di bawah 18 tahun yang hamil atau melahirkan bayi luar nikah.

**(ii) Pusat Jagaan Sinar Kasih.**

Pusat ini diwujudkan khas untuk wanita hamil luar nikah berusia 18 tahun ke atas yang memerlukan perlindungan dan penjagaan segera. Tanggungjawab untuk memberi perlindungan dan pemulihan kepada golongan ini bukan dikhurasukan kepada JKM tetapi JKM mengambil tanggungjawab di atas dasar untuk melindungi bayi yang dilahirkan. Inisiatif ini juga bertujuan mencegah daripada berlakunya kes buang bayi

terutama wanita berumur 18 tahun ke atas.

**(b) Kerjasama Dengan Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK)**

Kementerian melalui JKM memberikan geran kepada tujuh (7) buah PSK yang menyediakan pusat perlindungan bagi wanita berumur 18 tahun ke atas yang hamil luar nikah.

**(c) Klinik Nur Sejahtera Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara(LPPKN)**

Klinik Nur Sejahtera menyediakan perkhidmatan kesihatan reproduktif kepada masyarakat terutama kepada golongan wanita dan remaja. Antara perkhidmatan yang disediakan adalah Saringan Penyakit Jangkitan Seksual, Klinik Bergerak (bas) dan Psikoseksual Kaunseling melalui 53 buah Klinik Nur Sejahtera di 15 buah negeri.

Selain itu, KPWKM juga melaksanakan usaha-usaha lain bagi menghindar wanita-wanita muda melahirkan anak sebelum berkahwin seperti berikut:

**Menyelamatkan kanak-kanak yang terdedah kepada bahaya moral**

Selain daripada menempatkan kanak-kanak yang, terdedah kepada bahaya moral empat buah Taman Seri Puteri sebagai tempat perlindungan dan pemulihan, JKM turut menyediakan perkhidmatan kaunseling di peringkat negeri dan daerah sebagai salah satu usaha untuk memberi bimbingan dan khidmat

nasihat kepada mereka yang masih di peringkat awal terdedah kepada bahaya moral.

#### **Akta Kanak-Kanak 2001**

Akta Kanak-Kanak 2001 digubal dan dilaksanakan dengan memberi penekanan kepada peranan ibubapa, ahli keluarga dan masyarakat supaya lebih bertanggungjawab mengenai salahlaku anak-anak mereka.

Pihak JKM melalui beberapa peruntukan di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 bertanggungjawab mengadakan program interaktif untuk akses keluarga dan kanak-kanak bagi mengenalpasti masalah dari segi psikologi keluarga tersebut.

#### **Jawatankuasa Kebajikan Kanak-Kanak Daerah**

Jawatankuasa Kebajikan Kanak-Kanak Daerah (JKKD) diwujudkan bagi melaksanakan program pencegahan melalui penglibatan ahli masyarakat setempat dalam organisasi akar umbi.

#### **Kursus Kemahiran Keibubapaan**

Antara sebab utama remaja terjerumus dalam masalah sosial termasuk pembuangan bayi yang dikenalpasti ialah kurangnya perhatian dan bimbingan yang diberikan oleh ibu bapa. Sebagai langkah proaktif, Kementerian menjalankan program meningkatkan kemahiran keibubapaan seperti SmartStart, Modul Kasih dan Program Parenting@Work yang dijalankan di

tempat kerja bagi mnenangani kesukaran yang dihadapi oleh ibu bapa menghadiri kursus di luar pejabat atas faktor kesibukan serta komitmen terhadap keluarga dan sebagainya.

#### **Pendidikan Kesihatan Reprouktif Dan Sosial di Sekolah Menengah**

Cadangan KPWKM dan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) berhubung pelaksanaan pendidikan kesihatan reproduktif dan sosial di sekolah menengah telahpun dipersetujui oleh Kerajaan sejak Disember 2006. Pendidikan ini memberi peluang kepada pelajar sekolah bersoal jawab, meneroka dan menilai kefahaman seksualiti

supaya lebih memahami nilai kekeluargaan, pembentukan nilai kendiri, kefahaman terhadap perhubungan dengan keluarga dan antara gender, serta memahami tanggungjawab terhadap ahli keluarga dan orang lain **Pusat**

#### **Remaja kafe@TEEN**

KPWKM melalui LPPKN telah memperkenalkan program Pusat Remaja Kafe@TEEN sejak bulan November 2005. Tujuan program ini diperkenalkan adalah untuk membantu remaja menempuh alam remaja dengan selesa dan tanpa ragu-ragu. Program ini menyediakan khidmat kaunseling dan kesihatan bagi membantu remaja mengatasi masalah fizikal, mental dan sosial remaja. Program ini turut memberi peluang kepada remaja berkenalan dengan rakan-

rakan dan berkongsi pengalaman serta bertukar-tukar idea baru.

KPWKM menerusi agensinya iaitu Lembaga Penduduk Dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) memainkan peranan menerapkan pendidikan ini dalam modul keibubapaan yang dianjurkan oleh Lembaga tersebut di seluruh negara.

Bagi memastikan usaha di atas mencapai matlamat sepertimana yang dirancang, iaanya memerlukan penglibatan multisektoral melibatkan semua agensi Kerajaan seperti Jabatan Agama Islam, Kementerian Kesihatan Malaysia atau bukan Kerajaan seperti Persatuan-Persatuan Perancang Keluarga Malaysia dilibatkan untuk memainkan peranan aktif dalam menyebarkan maklumat yang terkandung di dalam pendidikan ini di dalam aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh mereka.

Untuk makluman Ahli yang Berhormat, statistik masalah sosial dalam

negara ini mengikut negeri, kaum, jantina dan kes adalah seperti berikut:

<b>Negeri/Kes</b>	<b>Penyalahgunaan Dadah (2007)</b>		<b>Rogol (Jun 2008)</b>	<b>Penganiayaan Kanak-kanak (Jun 2008)</b>	<b>Cabul Kehormatan (Jun 2008)</b>	<b>Keganasan Rumah Tangga (Jun 2008)</b>
	L	P				
Johor	1,956	48	258	5	125	156
Kedah	1,573	31	155	5	88	219
Kelantan	851	33	110	0	43	119
Melaka	311	2	67	8	44	47
N. Sembilan	820	6	67	3	53	125
P. Pinang	3,348	85	82	8	63	143
Pahang	367	11	94	6	66	95
Perak	1,183	11	103	8	79	97
Perlis	141	6	19	0	11	7
Sabah	198	19	109	4	70	101
Sarawak	165	19	61	2	61	140
Selangor	1,385	24	304	35	211	471
Terengganu	127	0	59	2	35	46
WPKL	1,703	53	99	19	155	41
<b>JUMLAH</b>	<b>14,128</b>	<b>348</b>	<b>1,587</b>	<b>105</b>	<b>1,104</b>	<b>1,807</b>

NO. SOALAN: 2\*

### PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA                  TUAN HAJI AHMAD BIN KASIM [KUALA KEDAH]**

**TARIKH                  22 MAC 2010**

**SOALAN**

**Tuan Haji Ahmad bin Kasim [ Kuala Kedah ] minta PERDANA MENTERI menyatakan apa rasionalnya Kerajaan memutuskan persaraan pilihan anggota sektor awam mulai 1 Februari 2010 akan diluluskan dengan syarat mereka bersetuju dibayar 20 peratus daripada ganjaran atau RM10,000 terlebih dahulu, mengikut mana yang lebih, ketika bersara.**

NO. SOALAN:

**JAWAPAN: YB. DATO\* SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, persaraan pilihan ialah suatu keistimewaan yang boleh dipertimbangkan bagi anggota sektor awam dengan mengambil kira kepentingan jabatan, kepentingan perkhidmatan serta keadaan kewangan negara. Dasar penangguhan pembayaran ini dilaksanakan sebagai langkah menjimatkan perbelanjaan Kerajaan ketika ini.

Dasar ini tidak terpakai ke atas pesara pilihan yang memerlukan wang yang banyak bagi membayai kos rawatan perubatan atau untuk membayai pengajian tinggi ahli keluarga atau bagi mengelakkan tindakan kebankrapan.

**SOALAN 33**

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>DATO' SRI IR. MOHD ZIN BIN</b>
	<b>MOHAMED [SEPANG]</b>
<b>SOALAN</b>	<b>Meminta MENTERI PELANCONGAN</b>
	<b>menyatakan:</b>

apakah hasil pencapaian pengenalan homestay di Malaysia. Berapakah peruntukan yang disediakan bagi menaik taraf infrastruktur di kampung homestay untuk memberi keselesaan kepada pelancong.

### **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pencapaian homestay semenjak ia diperkenalkan telah menunjukkan prestasi yang memberangsangkan di mana jumlah homestay yang telah berdaftar di bawah Kementerian Pelancongan Malaysia sehingga Februari 2010 adalah sebanyak 141 buah homestay, dengan bilangan pengusaha homestay seramai 3,283 orang dan menawarkan 4,414 buah bilik.

Pada tahun 2009, jumlah pendapatan homestay telah meningkat sebanyak 71% kepada RM10.9 juta berbanding tahun 2008 iaitu sebanyak RM6.4 juta. Manakala jumlah kedatangan pelancong ke homestay pada tahun 2009 pula telah meningkat sebanyak 77% iaitu seramai 130,038 orang pelancong domestik dan 31,523 orang pelancong luar negara dengan jumlah keseluruhan seramai 161,561 orang pelancong, berbanding pada tahun 2008 di mana jumlah keseluruhan adalah seramai 91,533 orang pelancong.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian ini juga telah menyediakan peruntukan sebanyak RM23.1 juta dalam Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMKe-9) dan RM2.1 juta di bawah Pakej Ransangan Ekonomi Kedua (PRE II) untuk membina dan menaik taraf kemudahan infrastruktur di homestay bagi memberi keselesaan kepada para pelancong. Peruntukan tersebut telah digunakan bagi projek-projek menaik taraf kemudahan homestay seperti:-

- i. Tandas homestay sebanyak 1,280 buah;
- ii. Menaik taraf kemudahan infrastruktur kampung bagi komponen-komponen seperti:-
  - a) Menaik taraf jalan masuk bagi menambah baik jaringan pengangkutan ke homestay;

- b) Menaik taraf dewan orang ramai bagi menjalankan aktiviti- aktiviti homestay;
- c) Pusat rekreasi atau riadah seperti gelanggang gasing, pementasan, kraf tangan, trek hutan dan yang berkaitan bagi menjalankan aktiviti kebudayaan dan permainan tradisional;
- d) Plak rumah homestay dan papan tanda tunjuk arah; dan
- e) Menaik taraf landskap yang bersesuaian atau kawasan taman sedia ada.

**Soalan No : 34**

**PEMBERITAHU  
PERTANYAAN  
DEWAN  
PERTANYAANRAKYAT LISAN**

DARIPADA Y.B. TUAN GOBALAKRISHAN A/L NAGAPAN  
(PADANG SERAI)

TARIKH 22.03.2010

**SOALAN:**

Y.B. TUAN GOBALAKRISHAN A/L NAGAPAN [ PADANG SERAI ] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah sebab utama tidak mengiktiraf dua mata pelajaran bahasa ibunda sebagai mata pelajaran utama.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) tidak meminggirkan penggunaan bahasa ibunda dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah. Buktinya, selain bahasa Malaysia yang menjadi bahasa pengantar di sekolah kebangsaan, bahasa ibunda telah menjadi bahasa pengantar di SJKC dan SJKT. Kedudukan bahasa ibunda di sekolah- sekolah tersebut dinyatakan melalui peruntukan dalam Seksyen 17 Akta Pendidikan 1996.

**Soalan NO:35**

**PEMBERIT AHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. DATO' SERI ONG KA CHUAN**  
[TANJONG MALIM]  
**TARIKH JAWAPAN : 22 MAC 2010 (ISNIN)**  
**DI DEWAN RAKYAT**  
**SOALAN : NO. 35**

**SOALAN**

**Y.B. Dato' Seri Ong Ka Chuan Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan sejauh manakah pencapaian negara setakat ini dalam penyelidikan dan pembangunan berhubung penggunaan tenaga yang boleh diperbaharu (*renewable energy*) untuk kegunaan industri automobil negara secara komersial. Apakah *roadmap* yang telah dirangka oleh kerajaan berhubung perkara ini.**

**TAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,  
Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,**

**Pada masa ini Kementerian sedang bekerjasama dengan *Centre For Education, Training And Research In Renewable Energy And Energy Efficiency* (CETREE), Universiti Sains Malaysia (USM) dalam menjalankan penyelidikan dan pembangunan berhubung penggunaan tenaga yang boleh diperbaharu (*renewable energy*) untuk kegunaan industri automobil negara secara komersial.**

**Salah satu penyelidikan dan pembangunan yang sedang dijalankan adalah penggunaan motosikal dan bas yang menggunakan *Natural Gas Vehicle* (NGV) bagi motosikal dan bas. Penggunaan NGV ini juga dapat mengurangkan penggunaan petrol, mengurangkan pengeluaran karbon dan mengelakkan berlakunya pencemaran alam.**

**Selain itu CETREE juga mengubahsuai bas mini dan van yang beroperasi menggunakan 100% minyak masak terpakai ataupun minyak masak mentah untuk kegunaan dalam kampus. Dengan adanya pembangunan penggunaan enjin ini pembebasan gas-gas berbahaya seperti karbon monoksida, kloroflorokarbon (CFC) dan karbon dioksida dapat dikurangkan dan sekaligus dapat memulihara dan memelihara alam sekitar.**

**Tuan Yang Dipertua,**

**Kementerian saya juga sedang bekerjasama dengan pihak PROTON dan MODENAS yang telah menjalankan penyelidikan dan pembangunan bagi kenderaan hibrid dan elektrik. Pihak PROTON akan melaksanakan ujian "*fleet test*" bagi keluaran kenderaan hibrid dan elektriknya. MODENAS juga sedang menjalankan uji pandu bagi model motosikal elektrik yang dijangka dapat dipasarkan dalam tahun ini. Bagi tujuan *pilot* projek, Cyberjaya dan Putrajaya akan dijadikan kawasan uji pandu untuk kenderaan-kenderaan tersebut oleh pihak PROTON dan MODENAS dalam masa terdekat. Selain itu pihak Kementerian juga dalam proses penyediaan *roadmap* pembangunan infrastruktur**

**kenderaan elektrik bagi memudahkan pelaksanaan dan pembangunan kenderaan elektrik di negara kita.**

*'kie'kie-k'k'k'kie'k'k'kie'k'k'k'k'kie'kie'kie'kie'kie'k'k'kie'k'kie'kie'k'k'kie'kie'k'k'kie'kie'kick'k*

**Soalan NO:36**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS [ TELOK KEMANG ]</b>
<b>TARIKH JAWAPAN DI DEWAN RAKYAT</b>	<b>22 MAC 2010 (ISNIN)</b>
<b>SOALAN</b>	<b>NO. 36</b>

**SOALAN**

Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan semenjak menarik balik pelaburan arang batu di Indonesia beberapa tahun lalu, apakah Kerajaan sedar Tenaga Nasional Berhad (TNB) terpaksa membeli bahan itu mengikut harga pasaran yang lebih USD60 se-tan dan mengakibatkan kekurangan keuntungan sebanyak USD50 juta setahun.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Ingin saya jelaskan di sini bahawa, walau pun pihak TNB sebelum ini pernah terlibat dalam pelaburan arang batu di Indonesia, harga belian bekalan arang batu adalah pada harga pasaran antarabangsa (pada masa tersebut). Kemudiannya, pihak TNB telah membuat keputusan untuk menarik balik pelaburan arang batu di Indonesia memandangkan ia tidak mendatangkan sebarang perubahan kepada keuntungan tahunan kerana kos pembelian bahan

api arang batu adalah pada tahap yang sama iaitu mengikut harga pasaran arang batu antarabangsa. Di samping itu, pelaburan dalam bidang perlombongan arang batu juga memerlukan kepakaran dan modal yang besar serta melibatkan risiko operasi yang tinggi.

Harga pasaran semasa arang batu adalah berubah mengikut keadaan ekonomi global serta bergantung kepada kuasa pembekal dan pembeli komoditi. Pada 3 tahun kebelakangan ini, harga pasaran arang batu antarabangsa telah berubah-ubah dengan pesat. Ianya telah meningkat dari paras USD60/tan pada tahun 2007 kepada harga tertinggi iaitu USD190/tan pada tahun 2008. Seterusnya, harga arang batu telah merosot kepada USD75/tan pada tahun 2009. Pada tahun 2010 pula, harga arang batu berada pada paras USD95/tan.

Pada masa kini, kaedah perolehan arang batu yang digunakan oleh pihak TNB ialah secara tender melalui kontrak-kontrak jangka panjang bagi menampung keperluan bekalan arang batu untuk pembekalan elektrik di Semenanjung. Bagi memastikan bekalan yang diperlukan adalah terjamin, TNB kini memperoleh arang batu dari tiga negara pembekal utama iaitu Indonesia, Australia dan Afrika Selatan. Langkah sebegini juga merupakan antara opsyen perolehan arang batu yang lain dalam memastikan bekalan dan harga arang yang sentiasa terjamin dan mencukupi untuk tujuan pembekalan elektrik di Semenanjung.

\*\*\*\*\*

M£; 3/

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT. MALAYSIA**

**PERTANYAAN**

DARIPADA	LISAN YB. Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman
TARIKH	22.03.2010 (Isnin)
NO. SOALAN	37

**Datuk Haiah Norah binti Abd Rahman [ Tanjung Manis ]**  
minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan berapakah peruntukan Halal Industry Development Corporation (HDC) untuk membantu perkembangan Hab Halal Tanjung Manis yang terbesar di Malaysia bagi tahun 2010.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Halal Industry Development Corporation (HDC) yang merupakan syarikat 100% milik Kerajaan telah ditubuhkan pada 18 September 2006 untuk

melaksanakan pembangunan industri halal secara bersepada dan menyeluruh selaras dengan matlamat untuk menjadikan Malaysia sebagai Hub Halal Global.

Menerusi inisiatif pembangunan taman halal, HDC berperanan sebagai pemudahcara (*facilitator*) dan menyediakan garispanduan pembangunan taman halal di samping membantu dari segi latihan perancangan kapasiti kepada Enterpris Kecil dan Sederhana (EKS) yang akan beroperasi di dalam taman halal.

Sejak penubuhan, HDC tidak mempunyai sebarang peruntukan khusus untuk disalurkan kepada mana-mana operator atau pengusaha Taman-Taman Halal sama ada untuk membina atau menambahbaik taman halal sedia ada. HDC hanya membantu sebagai penghubung kepada pihak operator atau pengusaha Taman-Taman yang ingin mendapatkan peruntukan daripada Kerajaan Pusat. Di samping itu, HDC juga mempromosikan Taman-Taman Halal ini kepada pelabur-pelabur asing yang bercadang untuk melaksanakan projek pengeluaran produk halalnya di Negara ini.

HDC tidak memiliki mana-mana Taman Halal yang sedia ada tetapi membantu daripada aspek pengurusan untuk

pembangunan Taman Halal yang sistematik bagi memastikan ianya dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Di bawah Rancangan Malaysia Ke-9, bagi memajukan pembangunan industri halal, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM150.0 juta kepada 5 negeri yang terpilih iaitu Padang Besar, Perlis; Sungai Petani, Kedah; Pasir Mas, Kelantan; Chendering, Terengganu ; dan Gambang, Pahang menerusi Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Perbadanan Labuan juga telah mendapat peruntukan sebanyak RM 50.0 juta yang di salurkan melalui Kementerian Wilayah Persekutuan. HDC telah ditugaskan untuk membantu dari segi pengurusan di samping memantau pembangunan taman halal bagi enam (6) negeri tersebut.

Bagi tahun 2010, HDC tidak mempunyai peruntukan khusus bagi pembangunan Taman-Taman Halal tetapi HDC membantu syarikat-syarikat EKS yang ingin memasuki Taman Halal dengan menyediakan skim latihan perancangan kapasiti bagi membolehkan syarikat-syarikat ini beroperasi dengan jayanya dalam Taman-Taman Halal.

NO SOALAN:

**JAWAPAN: DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**  
**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN: LISAN**

**DARIPADA: YB TAN SRI DATO' ABD. KHALID BIN IBRAHIM**

**TARIKH : 22 MAC 2010**

**SOALAN :**

**Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim [ Bandar Tun Razak ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kaji selidik oleh badan bukan Kerajaan, *Transparency International*, terhadap persepsi rasuah tahun lepas menunjukkan Malaysia berada di tangga 56, jatuh 7 mata daripada tangga 47 tahun sebelum itu. Bagaimanakah Kerajaan Persekutuan memastikan semua pemimpin Kerajaan telus dan bersih dari rasuah.

**JAWAPAN: DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan menerima hakikat bahawa Malaysia berada di kedudukan ke-56 dengan skor mata 4.5 yang merupakan kedudukan paling buruk pernah dicapai semenjak *Corruption Perception Index* (CPI) diperkenalkan dalam tahun 1995. Walaupun ia tidak menggambarkan realiti sebenar tahap rasuah di negara ini, Kerajaan akan meneliti indeks itu serta akan mengambil langkah-langkah yang wajar untuk memperbaiki persepsi negatif tersebut.

Bagi meningkatkan ketelusan dan mewujudkan Kerajaan yang bersih dari rasuah, Kerajaan telah memperkenalkan pelbagai inisiatif melalui Program Transformasi Kerajaan (GTP) sebagaimana diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 28 Januari 2010. Antara inisiatif-inisiatif tersebut meliputi usaha mengurangkan secara berperingkat amalan surat sokongan yang kerap digunakan untuk mempengaruhi kakitangan Kerajaan dalam memintasi dasar dan tatacara standard Kerajaan bagi mendapatkan kontrak. Selain itu usaha juga akan ditumpukan untuk meningkatkan ketelusan dalam urusan perolehan kerajaan serta menghalang penyalahgunaan kuasa dan sumber awam oleh ahli politik dan kakitangan Kerajaan.



**SOALAN NO: 39**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B.**

**DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI MOHD. RADZI BIN**

**SHEIKH AHMAD**

**[KANGAR]**

**TARIKH : 22 MAC 2010**

**SOALAN**

Dato<sup>1</sup> Seri Mohd. Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) minta MENTERI KESIHATAN menyatakan adakah terdapat satu program khas yang menentukan terdapat sekurang-kurangnya sebuah hospital di setiap negeri dilengkapi dengan kemudahan yang mencukupi serta pakar perubatan bagi merawati mereka yang mempunyai masalah mental.

Tuan Yang di-Pertua,

Adalah menjadi dasar Kementerian Kesihatan untuk memastikan setiap negeri mempunyai sebuah hospital negeri yang dilengkapi dengan perkhidmatan kepakaran yang lengkap untuk memenuhi keperluan rawatan dan rujukan dalam negeri tersebut.

Perkhidmatan kepakaran psikiatri pada masa kini disediakan di semua negeri di Malaysia. Bagi tujuan tersebut terdapat 41 buah hospital yang mempunyai Pakar Perubatan Psikiatri.

Pada masa ini Kementerian Kesihatan menggalakkan pendekatan perawatan psikiatri dalam komuniti (*hospital based community care*) di mana pesakit stabil di discaj awal dan rawatan diteruskan di rumah. Ini secara tidak langsung mengoptimalkan rawatan pesakit melalui sokongan moral oleh ahli-ahli keluarga supaya pemulihan pesakit lebih cepat.

**NO SOALAN:**

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN GOBIND SINGH DEO TARIKH**

**: 22 MAC 2010**

### **SOALAN :**

**Tuan Gobind Singh Deo [ Puchong ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah ramainya pegawai penyiasat yang di dalam perkhidmatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan apakah kualifikasi-kualifikasi asas mereka dalam bidang siasatan kes-kes jenayah.

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Puchong, bilangan pegawai Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang melaksanakan tugas-tugas siasatan atau pegawai penyiasat (IO) adalah seramai 442 orang. Pegawai-pegawai penyiasat yang berkhidmat di SPRM ini terdiri dari

**JAWAPAN: DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**

pelbagai latar belakang pendidikan seperti perakaunan, kejuruteraan, perbankan, perundangan, ekonomi, teknologi maklumat dan lain-lain bidang berkaitan.

Untuk melayakkan mereka menjadi pegawai penyiasat di SPRM mereka dikehendaki menjalani dengan jayanya latihan asas selama tiga bulan di bawah kendalian Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA). Latihan asas ini dilengkapi dengan pelbagai modul komprehensif yang dibentuk dan dirangka bertujuan untuk menerapkan sikap-sikap yang positif dan ilmu pengetahuan asas dari segi teori dan praktikal yang perlu ada pada setiap Pegawai Penyiasat SPRM.

Untuk makluman Yang Berhormat, melalui skim perkhidmatan baru SPRM, Suruhanjaya ini juga boleh mendapatkan individu yang berpengalaman luas dan berkemahiran tinggi terutama dalam bidang-bidang seperti audit, forensik perakaunan, forensik komputer, forensik kejuruteraan, komunikasi massa dan perundangan untuk ditempatkan di SPRM pada gred yang lebih tinggi.



Soalan No : 41

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN LISAN**  
DARIPADA : Y.B. TAN SRI DATO' SERI ONG KA TING  
(KULAI)

TARIKH : 22.03.2010

**SOALAN:**

Y.B. TAN SRI DATO' SERI ONG KA TING [ KULAI ] minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah GSTT yang sedang berkhidmat di SJKC. Nyatakan juga tindakan spesifik dan berkesan untuk mengatasi kekurangan tenaga pengajar di SJKC dan berapakah jumlah pengambilan pelatih ke IPGM bagi kursus PISMP, KPLI sepenuh masa dan mode KDC serta KDPM-KDC pada tahun 2010.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Pada Disember 2009, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah meluluskan sejumlah 3690 jawatan Guru Sandaran Tanpa Latihan (GSTT) untuk dilantik berkuatkuasa 1 Januari 2010 bagi mengisi kekosongan di SJKC di seluruh negara.

Bagi mengatasi kekurangan tenaga pengajar di SJKC, mulai ambilan Jun 2010, KPM telah membuat unjuran mengikut pelbagai bidang pengajian, termasuk Pengajian Bahasa Cina. Keadaan ini berbeza dengan unjuran yang ditetapkan sebelum ini, di mana keperluan tenaga pengajar di SJKC hanya mengikut keperluan bidang Pengajian Bahasa Cina sahaja. Unjuran Kursus Perguruan Lepasan Ijazah (KPLI) sepenuh masa ambilan Jun 2010 bagi bekalan guru SJKC ialah 638 orang, PISMP Ambilan 2010 ialah 1,780 orang serta KPLI mode KDC dan KDPM mode KDC pada tahun 2010 adalah seramai 800 orang.

KPM juga meletakkan maklumat terkini tentang bidang perguruan dalam laman web KPM bagi menerangkan program-program yang dilaksanakan di semua Institusi Pendidikan Guru seluruh negara. Di antaranya, ialah Program Ijazah Sarjana Muda

**Perguruan (PISMP), Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) dan Kursus Diploma Perguruan Malaysia (KDPM). Selain itu, KPM juga sentiasa mempromosikan kerjaya perguruan melalui aktiviti pameran, Hari Bertemu Pelanggan dan kempen bagi menarik calon untuk menjadi guru.**

Rjm 23

NO. AUM : 19

NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	DR. RAMASAMY A/L PALANISAMY [ BATU KAWAN ]
TARIKH	22 MAC 2010
RUJUKAN	2550

**SOALAN:**

Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [ Batu Kawan ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan mengapakah Kerajaan Malaysia tidak serius dan mengambil masa lama dalam penyiasatan kematian Peguam Selvarani Pannerselvam, pembantu kepada P. Uthayakumar, pemimpin Pertubuhan Hindraf, di mana wujud kesangsian yang tinggi bahawa kematian ini adalah satu homosid.

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Batu Kawan yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, setakat ini siasatan pihak polis mendapati kematian peguam berkenaan tidak mempunyai kaitan dengan unsur-unsur jenayah. Dakwaan bahawa Kerajaan tidak serius dan mengambil masa yang lama untuk menyelesaikan penyiasatan kes ini adalah tidak benar memandangkan pihak polis menjalankan siasatan serta-merta sebaik sahaja laporan kematian mendiang peguam tersebut diterima.

Tuan Yang Dipertua,

Pada masa ini, kertas siasatan sedang dikaji dengan teliti sebelum dikemukakan kepada Timbalan Pendakwaraya untuk tindakan selanjutnya.

NO. SOALAN:43

**PEMBERITAHUA  
N PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN                    LISAN**  
**DARIPADA                    TUAN CHUA TEE YONG [LABIS]**  
**TARIKH                      22 MAC 2010**

**SOALAN**

**Tuan Chua Tee Yong [ Labis ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan pegawai dalam Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik yang telah dinaikkan pangkat ke gred M54, JUSA dan ke atas sejak tahun 2000 hingga 2009 mengikut kaum. Apakah kriteria-kriteria yang diguna pakai untuk tujuan penentuan kenaikan pangkat ini.

**JAWAPAN: YB. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di Pertua.

Sejak tahun 2000 sehingga tahun 2009, seramai **3,064** orang pegawai Tadbir dan Diplomatik telah dinaikkan pangkat ke gred 54 dan JUSA. Agihan mengikut gred dan kaum iaitu :

NO. SOALAN:43

DEPTANYAAN <b>GRED / KAUM</b>	<b>MELAYU</b>	<b>CINA</b>	<b>INDIA</b>	<b>LAIN-LAIN*</b>	<b>JUMLAH</b>
<b>JUSA</b>	1,217 (88.1%)	99 (7.2%)	47 (3.4%)	18 (1.3%)	1,381 (100%)
<b>M54</b>	1,423 (84.6%)	124 (7.4%)	119 (7.1%)	17 (1.0%)	1,683 (100%)
<b>JUMLAH</b>	<b>2,640 (86.2%)</b>	<b>223 (7.3%)</b>	<b>166 (5.4%)</b>	<b>35 (1.1%)</b>	<b>3,064 (100%)</b>

\*Nota : Lain-lain kaum termasuk Bumiputera Sabah & Sarawak, Sikh, Punjabi, Serani dan lain-lain lagi.

Kenaikan pangkat adalah merupakan pengiktirafan kepada anggota perkhidmatan awam yang telah menunjukkan prestasi yang baik dan cemerlang. Kenaikan pangkat dilaksanakan berdasarkan merit mengambil kira kriteria-kriteria kenaikan pangkat iaitu:

- (a) kecekapan dan prestasi kerja pegawai;
- (b) kelayakan, pengetahuan, kemahiran dan pengalaman pegawai;
- , (c) sifat-sifat peribadi, termasuk kesesyaiannya dengan jawatan kenaikan pangkat itu, keutuhan, keselamatan, bebas dari tindakan tatatertib, potensi dan kepimpinan pegawai; dan
- (d) kegiatan luar dan sumbangan pegawai itu kepada negara dan masyarakat.

**Soalan No : 44**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**  
**LISAN**

**DARIPADA**                   **Y.B. TUAN HAJI TAIB AZAMUDDEN BIN MD TAIB  
(BALING)**

**TARIKH**                   **22.03.2010**

**SOALAN:**

Y.B. TUAN HAJI TAIB AZAMUDDEN BIN MD TAIB [ BALING ] minta Menteri Pelajaran menyatakan kenapakah Kementerian memotong peruntukan makanan para pelajar yang tinggal di asrama sekolah pada hari Jumaat / Sabtu dan Ahad, sejauh mana beban perbelanjaan yang dipikul oleh Kerajaan di hari-hari tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan tidak mengurangkan peruntukan Bantuan Makanan Asrama (BMA) bagi tahun 2010 kepada murid-murid di sekolah. Walau bagaimanapun, bagi tujuan penjimatan, pihak sekolah diminta untuk mengenai pasti bilangan sebenar penghuni asrama yang masih tinggal di asrama pada cuti hujung minggu dan cuti umum bagi tujuan pesanan makanan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Tuntutan BMA pada tahun 2010 ialah untuk tempoh maksimum 240 hari. Sebagai permulaan, sekolah sudah diberi peruntukan berdasarkan perkiraan 200 hari dengan jumlah penghuni asrama maksimum. Sekolah juga boleh menggunakan baki peruntukan tahun sebelum ini untuk menampung kekurangan peruntukan. Sekiranya masih tidak mencukupi, peruntukan tambahan akan disalurkan kepada sekolah-sekolah yang berkenaan.  
Rjm 24

*MO:*

<b>PERTANYAAN</b>	<b>PEMBERITAHUAN PERTANYAAN</b>
	<b>DEWAN RAKYAT</b>
Pertanyaan	PERTANYAAN JAWAB LISAN
Daripada	Datuk Billy Abit Joo [ Hulu Rejang ]
Tarikh Menjawab	22 Mac 2010 (Isnin)
Soalan	

**Datuk Billy Abit Joo [ Hulu Rajang ]** minta **Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi** menyatakan oleh kerana Malaysia masih mengimport susu getah (lateks) daripada negara-negara ASEAN, apakah rancangan jangka masa panjang Kerajaan untuk membantu industri getah dalam hal ini.

#### **JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tempoh Januari hingga Disember tahun 2009, Malaysia telah mengimport sebanyak 339,351 tan metrik lateks dari Thailand, Indonesia, Vietnam dan negara-negara pengeluar lain. Pengimportan lateks ini adalah untuk memenuhi permintaan dan penggunaan industri hiliran tempatan yang memerlukan sebanyak 400,748 tan metrik lateks bagi tempoh yang sama.

Untuk maktuman Ahli Yang Berhormat, negara memerlukan bekalan lateks yang tinggi untuk memenuhi keperluan dalam pembuatan barang berdasarkan lateks di Malaysia iaitu sarung tangan, kondom, kateters, bebenang getah dan produk-produk lain. Untuk menampung keperluan bekalan, negara terpaksa mengimport bekalan lateks kerana negara hanya mampu mengeluarkan lateks sebanyak 110,913 tan metrik (39,929 tan metrik oleh sektor pekebun kecil dan 70,984 tan metrik oleh sektor estet).

Sebagai usaha bagi mengurangkan kebergantungan negara kepada lateks yang diimport, Kerajaan telah merancang beberapa program yang bertujuan untuk menggalakkan pekebun-pekebun kecil mengeluarkan lateks. Antara program-program yang sedang dan akan dijalankan oleh Kerajaan adalah:

- i. Menggalakkan lebih banyak koperasi pekebun kecil menjual lateks kepada pengilang-pengilang secara kontrak. Sehingga kini, terdapat 6 buah koperasi pekebun kecil yang menghasilkan lateks;
- ii. Selain itu, terdapat juga Program Pengeluaran Lateks dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK10) yang telah dirancang oleh Kerajaan. Program ini adalah antara lain bagi menarik minat lebih ramai pekebun kecil untuk menghasilkan lateks. Komponen insentif yang akan diberikan kepada pekebun kecil adalah berbentuk insentif input pertanian, peralatan dan juga pembinaan infrastruktur. Dianggarkan dalam tempoh RMK10 (2011 - 2015), sebanyak 20 buah pusat pengumpulan lateks akan dapat dibina oleh Kerajaan di seluruh negara dan seluas

50,000 hektar kawasan getah akan terlibat dalam program ini;  
dan                   **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

- iii. Pada masa ini, permintaan terhadap getah proses "hijau" (*green rubber*) adalah sangat menggalakkan. Bagi menghasilkan getah jenis ini, bekalan lateks diperlukan untuk proses pembuatannya. Getah jenis ini mempunyai nilai harga yang tinggi dan ini membolehkan lateks dibeli dengan harga yang tinggi dari pekebun kecil getah. Dengan tawaran harga yang tinggi ini, ia akan menarik lebih ramai pekebun kecil untuk menghasilkan lateks.

*Ho<  
i H>*

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>JAWAB LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>TUAN WEE CHOO KEONG</b>
	<b>(WANGSA MAJU )</b>
<b>TARIKH</b>	<b>22.03.2010 (ISNIN)</b>
<b>NO SOALAN</b>	<b>46</b>

**TUAN WEE CHOO KEONG ( WANGSA MAJU )** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan bagaimana Kementerian dapat memastikan kedai-kedai di pusat beli-belah mengiklankan perniagaan mereka beserta dengan tawaran diskaun adalah benar dan sepanjang 2009 berapakah bilangan pemilik kedai yang didakwa kerana memberikan maklumat palsu semata-mata untuk menarik pelanggan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Kawal seliaan ke atas aktiviti jualan murah dilaksanakan melalui penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Perihal Dagangan (Harga Jualan Murah) 1997. Di bawah Peraturan-Peraturan ini, peniaga-peniaga termasuk di pusat beli-

belah yang ingin menganjurkan jualan murah perlu mengemukakan notis kepada Kementerian. Maklumat daripada notis tersebut, aduan orang ramai dan pemeriksaan mengejut yang konsisten merupakan asas pemeriksaan bagi menentukan kesahihan jualan murah yang diadakan.

2. Bagi tahun 2009, sebanyak 112 kes penyelewengan jualan murah telah dikesan melibatkan penyitaan barang-barang bernilai kira-kira RM219,500.00. Sebanyak 17 kes telah selesai disiasat dan dikenakan kompaun sebanyak RM16,200.00.

NO.AUM : 24

NO. AUP

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA DR. RAMASAMY A/L PALANISAMY [ BATU KAWAN ]

22 MAC 2010

TARIKH 2551

RUJUKAN

SOALAN:

Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [ Batu Kawan ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan adakah Kerajaan Malaysia akan menyiasat pemimpin-pemimpin Hindraf seperti P. Uthayakumar dan adiknya P. Waythamoorthy yang telah mengutip sumbangan beribu-ribu Ringgit Malaysia dari masyarakat India yang miskin tetapi tidak membuka dan memaparkan kenyataan akaun rasmi bagi kutipan sumbangan-sumbangan tersebut.

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Batu Kawan yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, kertas siasatan berhubung kes penyelewengan wang tabung HINDRAF telah dikemukakan kepada Timbalan Pendakwaraya dan memutuskan supaya tiada tindakan diambil ke atas kes ini.

**Soalan No : 48**

**PEMBERITAHU**  
**PERTANYAAN**  
**DEWAN**  
**PERTANYAAN RAKISAN**

DARIPADA      **Y.B. TUAN KARPAL SINGH (BUKIT GELUGOR)**

TARIKH            **22.03.2010**

**SOALAN:**

**Y.B. TUAN KARPAL SINGH [ BUKIT GELUGOR ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan sekolah di antara sepuluh ribu sekolah yang telahpun dinaiktaraf ke taraf lima bintang di bawah *Smart School Qualification Standards (SSQS)*. Nyatakan kriteria yang dipakai untuk menaiktaraf tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Sehingga 31 Disember 2009, sebanyak 8,454 buah sekolah telah dibuat penarafan di bawah *Smart School Qualification Standards (SSQS)*. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 7,575 buah sekolah telah mencapai tahap bestari iaitu tiga hingga lima bintang.

**SOALAN 49**

**PEMBERITA  
HUAN  
PERTANYAA  
N DEWAN  
PERTANYAAN RAKYAT LISAN**

**DARIPADA TUAN FONG KUI LUN  
[BUKIT BINTANG]**

**TARIKH 22 MAC 2010**

**SOALAN Meminta MENTERI  
PELANCONGAN menyatakan:**

ketibaan pelancong-pelancong asing bagi tahun-tahun 2005 hingga 2009 dari segi bilangan, nilai pertukaran asing yang diperolehi, aduan-aduan pelancong asing, usaha-usaha promosi dalam dan luar negara.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi tempoh 2005 hingga 2009, bilangan pelancongan asing ke Malaysia adalah seperti berikut:

<b>TAHUN</b>	<b>KEDATANGAN PELANCONG ASING</b>	<b>PERTUMBUHAN (%)</b>
2005	16.43 juta	
2006	17.54 juta	6.8
2007	20.97 juta	19.5
2008	22.05 juta	5.1
2009	23.64 juta	7.2

Manakala jumlah pendapatan yang diperoleh dari pelancong asing ke Malaysia bagi tempoh yang sama adalah:

<b>TAHUN</b>	<b>NILAI PENDAPATAN</b>	<b>PERTUMBUHAN (%)</b>
2005	31.95 bilion	
2006	36.27 bilion	13.5
2007	46.09 bilion	27.1
2008	49.56 bilion	7.5
2009	53.36 bilion	7.7

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah aduan yang diterima oleh Kementerian Pelancongan Malaysia bagi tempoh 2006 sehingga 2009 adalah seperti berikut:

<b>TAHUN</b>	<b>JUMLAH ADUAN YANG DITERIMA OLEH KEMENTERIAN PELANCONGAN MALAYSIA</b>
2006	279
2007	420
2008	384

2009	496
------	-----

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi usaha promosi dalam dan luar negara, Kementerian Pelancongan dan Tourism Malaysia telah menggariskan strategi-strategi seperti berikut:-

- i) Melebarkan syer pasaran serantau, pasaran berpotensi dan ASEAN dengan melaksanakan kempen pengiklanan taktikal yang lebih agresif dan berfokus serta mempergiatkan kempen “**Cuti - Cuti 1 Malaysia**” yang dilebarkan meliputi pasaran Singapura dan Brunei;
  
- ii) Memupuk pakatan strategik dan perkongsian pintar antara kerajaan dan bukan kerajaan serta mempergiatkan kolaborasi dengan melibatkan secara aktif pihak swasta dalam melaksanakan sesuatu acara/aktiviti. Ini

termasuklah

**kerjasama dengan syarikat-syarikat kerajaan (GLCs), sektor korporat, multinasional seperti Mastercard, Maybank, Petronas, Shangri-La, Emirates Airlines dalam mempromosikan Malaysia;**

- iii) Memantapkan dan mengukuhkan sumber dari segi kos operasi, keberkesanan dan mengikut trend pasaran termasuk meningkatkan penggunaan teknologi maklumat (ICT). Ini termasuklah menerusi kempen pengiklanan secara *online* (seperti Google, Yahoo dan MSN), melaksanakan latihan secara *online* kepada warga kerja pelancongan asing menerusi *Malaysia Travel Specialist* serta menggunakan aplikasi *E-brochure* dan *E-newsletter*,
- iv) Memberikan tumpuan kepada produk *niche* (seperti eko pelancongan, pelancongan kesihatan, *Malaysia My Second Home, homestay*) bagi memenuhi pelbagai citarasa pelancong mengikut pasaran masing-masing;

- v) **Misi Jualan Domestik dan Cuti - Cuti 1 Malaysia Travel Fair**  
adalah merupakan program teras yang dianjurkan oleh Tourism Malaysia yang aktivitinya merupakan jualan terus pakej-pakej pelancongan domestik kepada para pengguna yang diadakan di pusat-pusat membeli belah terpilih di bandar-bandar seluruh negara bagi mengalakkan melancong dalam negeri;
- vi) **Bergiat aktif menyertai pameran-pameran pelancongan**  
yang dianjurkan oleh kerajaan negeri, pihak swasta atau pertubuhan bukan kerajaan seperti penyertaan di dalam MATTA International Travel Fair, Malaysia Domestic Travel Fair dan lain-lain lagi;
- vii) **Menganjurkan Media Familiarisation Trip (MegaFam)**  
iaitu program-program lawatan suaikenal kepada kumpulan media tempatan dan antarabangsa sebagai usaha mempromosikan destinasi-destinasi dan produk-produk pelancongan yang terdapat di dalam negara;

**Mengadakan promosi secara berterusan dibawah pasarannya dengan menyertai pameran berdasarkan pelancongan di peringkat antarabangsa seperti TT Warsaw Tour & Tarvel di Poland, Borse International Del Turismo (BIT) di Milan, Moscow International Tourism & Travel Fair (MITT) di Rusia, International Tourisme Borse (1TB) di Berlin, Top Resa Deauville di France, Leisure Fair di Moscow, World Travel Mart (WTM) di London dan International Luxury Travel Market di Cannes, France; dan**

**Menganjurkan Misi Galakan Pelancongan kepada agensi yang berpotensi untuk menjana lebih ramai pelancongan datang ke Malaysia. Antara misi galakan yang dilaksanakan ialah Misi Jualan ke Los Angeles, New York, Vancouver, Milan, Zurich, Munich, Australia dan Rusia.**

**Soalan No: 50**

**PEMBERITAH  
DEWAN RAKYAT  
UAN**

Pertanyaan : **PERTANYAAN**  
Daripad : Bagi Jawab Lisan Tuan Lim  
Guan Eng [ Bagan ] :22 Mac 2010  
Tarikh : 50  
Soalan  
**Soalan:**

Tuan Lim Guan Eng [ Bagan ] minta Menteri Pengangkutan menyatakan kemajuan projek pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) sebanyak RM250 juta khususnya adakah tender terbuka dijalankan, kontraktor yang dipilih, tarikh mula dan siap. Nyatakan prestasi kewangan LTAPP dan setiap lapangan terbang untuk tahun lepas.

**Tawapan:**

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Bagan, pada masa ini, pihak Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB), sedang menguruskan proses Tender Terbuka yang dijangka akan selesai pada bulan April 2010 ini. Apabila urusan tersebut selesai, kerja-kerja pembinaan dijadualkan akan bermula pada Julai 2010 dan siap pada Disember 2011.

Berhubung prestasi kewangan pula, bagi tahun 2009, Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas (LTABL), Pulau Pinang telah berjaya mengutip hasil sebanyak RM101.68 juta. Manakala jumlah hasil yang diperolehi dari lapangan terbang - lapangan terbang lain pula adalah sebanyak RM 1.15 billion.

Sekian,terimakasih.



Sy  
SJ.B/(7)

# **PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT. MALAYSIA**

DARIPADA : TUAN LOKE SIEW FOOK (RASAH)

## **PERTANYAAN : LISAN**

TARIKH : 22.03.2010 So^Uw tJo\* £ |

**Tuan Loke Slew Fook (Rasah) minta MENTERI KEWANGAN**

menyatakan jumlah cukai judi dan duti pertaruhan yang telah dikutip oleh Kerajaan Malaysia sepanjang tahun 2009 mengikut pecahan setiap syarikat perjudian secara berasingan. Sila berikan butiran secara terperinci.

JAWAPAN:

## **Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah cukai perjudian dan duti pertaruhan yang telah diterima oleh Kerajaan daripada semua operator nombor ramalan (NFO) pada tahun 2009 berjumlah RM1,199,574,646.73

2. Pecahan jumlah cukai perjudian dan duti pertaruhan yang telah diterima pada tahun 2009 mengikut operator nombor ramalan adalah seperti berikut:

	VII^W* I ' S ^ - V ] < ' - & - i - ^ * * + r , r +	'   ^ ^ ' ij' iidiark- clan
(a)	<b>Sports Toto</b>	<b>RM459,600,452.05</b>
(b)	<b>Magnum Corporation</b>	<b>RM401,283,257.55</b>
(c)	<b>Pan Malaysian Pools</b>	<b>RM265,531,593.04</b>
(d)	<b>Diriwan Corporation</b>	<b>RM21,446,904.92</b>
(e)	<b>Sarawak Turf Club and Equestrian Club</b>	<b>RM30,644,302.61</b>
(f)	<b>Sandakan Turf Club</b>	<b>RM21,068,136.56</b>
	<b>Jumfch</b>	<b>RM1,199,574,646.73</b>

NO.

**SOALAN:52 PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN**

**RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAPAN LISAN**

**DARIPADA Y.B. DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM  
[PERMATANG PAUH]**

**TARIKH 22 MAC 2010**

**SOALAN:**

**Y.B. DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM [PERMATANG PAUH]**  
minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perihal melebarnya jurang *Gini Coefficient* di antara golongan kaya miskin di Malaysia serta langkah bagi mengangkat taraf kehidupan rakyat miskin desa dan bandar serta mengelak penggondolankekayaan oleh sejumlah kecil.

**CADANGAN JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, koefisien Gini yang digunakan bagi mengukur ketaksamaan pendapatan isi rumah menunjukkan penurunan daripada 0.460 pada tahun 2004 kepada 0.439 pada tahun 2008. Ini menggambarkan pengurangan jurang pendapatan atau ketaksamaan pendapatan yang semakin berkurangan. Nisbah ketaksamaan pendapatan antara isi rumah 40 peratus terendah berbanding isi rumah 20 peratus teratas juga bertambah baik dengan pengurangan nisbah ketaksamaan pendapatan daripada 1:7.57 kepada 1:6.88 dalam tempoh yang sama. Keadaan ini memberi gambaran umum bahawa agihan pendapatan dan hasil pembangunan negara adalah lebih saksama dan lebih menyeluruh serta memberi manfaat kepada golongan miskin dan berpendapatan rendah.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa prihatin terhadap keperluan golongan miskin dan menyediakan pelbagai program yang boleh meningkatkan taraf hidup mereka di luar bandar dan bandar. Di kawasan luar bandar, tumpuan pelaksanaan program pembasmian kemiskinan telah dapat menyediakan peluang-peluang kepada golongan miskin dan berpendapatan rendah untuk penjanaan pendapatan di samping menikmati kemudahan-kemudahan asas yang lebih selesa. Di antara program-program tersebut ialah program membangunkan perniagaan kecil menerusi bantuan kredit mikro, khidmat nasihat dan latihan keusahawan, pembinaan gerai niaga dan program-program ekonomi yang lain dan sebagainya. Di samping itu, Kerajaan juga melaksanakan pelbagai program lain seperti program bantuan rumah, program

pendidikan dan latihan meliputi bahan-bahan persekolahan bagi anak-anak di luar bandar, saham amanah dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, bagi golongan miskin dan berpendapatan rendah di bandar pula, penekanan telah diberikan kepada usaha meningkatkan peluang-peluang penjanaan pendapatan melalui penyediaan latihan kemahiran dan keusahawanan serta peningkatan akses kepada peluang pinjaman dan peningkatan kualiti hidup. Ini termasuklah melalui penyediaan bantuan sewa rumah serta bantuan kemasukan ke sekolah bagi kanak-kanak sekolah. Kerajaan juga turut melaksanakan program-program pembangunan modal insan serta latihan kemahiran dalam bidang-bidang tertentu sebagai usaha untuk meningkatkan kapasiti dan *employability* kepada golongan ini.

**NO.AUM : 35**

**NO.AUP : S3>**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA DATO' IBRAHIM BIN ALI [ PASIR MAS ]**

**TARIKH 22 MAC 2010**

**RUJUKAN 2368**

**SOALAN:**

**Dato' Ibrahim bin Ali [ Pasir Mas ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah laporan polis yang dibuat oleh orang ramai mengenai isu-isu yang melibatkan Islam sebagai agama rasmi, Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan, Kedaulatan Raja-raja Melayu dan Hak-hak Keistimewaan Orang-orang Melayu bermula April 2008 sehingga 31hb Januari 2010. Nyatakan jumlah yang didakwa di bawah Akta Hasutan.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, sejak bulan April 2008 hingga 31 Januari 2010 pihak polis telah menerima sebanyak 129 laporan dari orang ramai dan Pertubuhan-pertubuhan Bukan Kerajaan (NGOs) berhubung dengan isu yang melibatkan agama Islam, Bahasa Melayu, Kedaulatan Raja-raja Melayu dan Hak-hak Keistimewaan Orang-orang Melayu.

Tuan Yang Dipertua,

Daripada jumlah tersebut sebanyak 5 laporan adalah mengenai Islam sebagai agama rasmi, 118 laporan mengenai Kedaulatan Raja-

Raja Melayu, 6 laporan mengenai Hak-hak Keistimewaan Orang Melayu dan tiada kes dilaporkan berhubung dengan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dua (2) individu telah pun di dakwa di bawah Seksyen 4 (1) Akta Hasutan, dan seorang individu telah didakwa di bawah Seksyen 427 dan 447 Kanun Keseksaan.

**NO SOALAN : 54**

**PERTANYAAN : LISAN**

<b>DARIPADA</b>	<b>Y.B TUAN SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL (MACHAN G)</b>
<b>TARIKH</b>	<b>22.03.2010 (ISNIN)</b>

**SOALAN:**

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan hal kebocoran maklumat/rahsia pertahanan dan keselamatan negara menyentuh siapa terbabit, bagaimana ia berlaku dan apa tindakan Kerajaan serta apa bentuk penyelesaian secara diplomatik seputihnya diumumkan oleh Menteri.

**SULIT**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kegiatan mendapatkan maklumat ketenteraan secara salah oleh operatif perisikan dari sebuah kedutaan asing di Kuala Lumpur dengan menjadikan warga Kementerian Pertahanan sebagai sasaran telah dikesan oleh Bahagian Staf Perisikan Pertahanan (BSPP) melalui penyiasatan risik balas yang dilaksanakan sejak tahun 2009. Operasi susulan BSPP seterusnya (*turnover operation*) telah membolehkan kegiatan penyuluhan ataupun espionage tersebut dapat dipantau dan dikawal oleh BSPP dengan warga Kementerian Pertahanan yang dijadikan sasaran memberikan sepenuh kerjasama untuk membongkar kegiatan tersebut.

Kementerian tidak akan mendedahkan individu yang dijadikan sasaran kerana mereka adalah merupakan sumber BSPP yang perlu dilindungi dan identitinya dirahsiakan. Mereka yang terlibat tidak boleh dianggap sebagai pengkhianat kerana beliau sebenarnya telah berkerjasama dengan pihak BSPP untuk membongkar kegiatan penyuluhan ini. Di samping itu, dengan mengambilkira kedudukan hubungan dua-hala yang selesa, maka pihak kedutaan asing yang berkaitan tidak sesuai untuk didedahkan. Dalam konteks ini, hanya tindakan diplomatik diperkirakan supaya kegiatan penyuluhan oleh anggota kedutaan asing berkaitan dihentikan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Isu pembocoran maklumat yang diumumkan secara terbuka**

**SULIT**

tempoh hari adalah bertujuan untuk mengingatkan semua peringkat warga Angkatan Tentera Malayaia (ATM) dan Kementerian Pertahanan bahawa mereka sentiasa terdedah kepada ancaman penyuluhan. Mereka pada dasarnya boleh dijadikan sasaran ancaman penyuluhan oleh badan perisikan asing secara tidak sedar dan kepekaan mereka mengenai kewujudan ancaman tersebut adalah merupakan langkah pencegahan awal.

Hfi:, 55

**PERTANYAAN JAWAB LISAN**  
**DARIPADA PEMERINTAH TUAN ZULKIFLI BIN NOORDIN 22 MAC 2010**  
**TARIKH HUAN PERTANYAAN (SNIN)**  
**SOALAN AN DEWAN NO.55**  
**RAKYAT**

**Tuan Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan :-**

- (a) berapa jumlah pelajar asing yang berdaftar untuk pengajian di IPTS sejak tahun 2000, sila berikan pecahan negara asal dan IPTS yang dihadiri; dan
- (b) berikan jumlah yang terlibat dengan kegiatan jenayah, kesalahan yang dilakukan dan hukuman yang dikenakan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan enrolmen pelajar antarabangsa di IPTS telah menunjukkan peningkatan dari setahun ke setahun selari dengan sasaran yang ditetapkan dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara iaitu seramai 42 ribu pelajar antarabangsa di IPTS pada tahun 2010, 70 ribu pelajar pada tahun 2015 dan 130 ribu pelajar pada tahun 2020. Pada tahun 2007 dan 2008, enrolmen

**pelajar antarabangsa di IPTS ialah masing-masing 33,604 dan 50,679 orang. Manakala pada tahun 2009, bilangan enrolmen pelajar telah meningkat kepada 58,271 orang yang datang daripada lebih 150 negara di seluruh dunia. Bilangan pelajar antarabangsa paling ramai adalah dari negara China, Iran, Indonesia, Nigeria dan Yemen.**

**Tuan Yang di-Pertua,**

- (b) **Secara umumnya, kes-kes jenayah yang melibatkan pelajar antarabangsa adalah kecil bilangannya. Umpamanya, pada tahun 2007, daripada 209,559 kes jenayah di Malaysia, hanya dua kes yang membabitkan pelajar antarabangsa. Pada tahun 2008 terdapat 10 kes, manakala pada tahun 2009 terdapat 17 kes. Peningkatan bilangan kes merupakan senario yang dipengaruhi oleh beberapa faktor, antaranya pertambahan bilangan pelajar dan perkembangan kegiatan ekonomi. Semua pelajar yang terlibat dalam kes jenayah akan diambil tindakan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan imigresen berdasarkan undang-undang sedia ada.**

Soalan No : 56

**PEMBERITAHU  
PERTANYAAN  
DEWAN**

**PERTANYAAN RAKYAT                    LISAN**  
**DARIPADA                                    Y.B. DATO\* SERI ABDUL HADI BIN AWANG**  
**(MARANG)**

**TARIKH                                    22.03.2010**

## **SOALAN:**

**Y.B. DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG [ MARANG ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan langkah-langkah menguahkan penguasaan Bahasa Inggeris selepas PPSMI dihapuskan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua-

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) akan melaksanakan satu program yang konkret melalui strategi Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkuuh Penguasaan Bahasa Inggeris (MBMMBI) pada tahun 2011 bermula dengan Tahun 1. Program ini akan turut dilaksanakan dengan Tahun 4, Tingkatan 1 dan Tingkatan 4 yang bermula pada tahun 2012.

Antara strategi yang digunakan bagi memperkuuh penguasaan Bahasa Inggeris dalam kalangan murid adalah penambahan peruntukan waktu pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris sebanyak 90 minit seminggu di sekolah rendah, dan 80 minit seminggu di sekolah menengah. Melalui transformasi kurikulum, pendekatan modular Bahasa Inggeris diperaktikkan melalui kemahiran bahasa, seni bahasa dan tatabahasa diberikan penekanan meluas. Bagi penguasaan kemahiran membaca, pembelajaran fonik diperkenalkan secara sistematik bagi murid Tahun 1 dan 2.

KPM turut menempatkan guru Bahasa Inggeris tambahan bagi kelas Tahun 1 dan tahun 2 yang berenrolmen tinggi. Dua orang guru akan mengajar di kelas tersebut khasnya untuk sekolah-sekolah di luar bandar. Selain daripada itu, bahan bacaan Bahasa Inggeris yang sesuai dan menarik disediakan bagi bacaan murid-murid sekolah rendah. Kementerian Pelajaran Malaysia turut mengambil beberapa langkah yang proaktif seperti menyediakan latihan intensif bagi meningkatkan profesionalisme guru bahasa Inggeris serta melaksanakan pengambilan guru bahasa Inggeris secara kontrak. Bagi tujuan ini, KPM akan mendapatkan kepakaran yang sesuai dari luar negara yang mana, satu program khas peningkatan kapasiti guru di enam gabungan (kluster) di seluruh negara akan diadakan.

Rjm 27

**Soalan No: 57**

**PERTANYAAN**

**BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA**

**DATO' ZAHRAIN MOHAMED HASHIM**

**[BAYAN BARU]**

**TARIKH**

**22 MAC 2010**

**SOALAN**

**57**

Dato<sup>1</sup> Zahrain Mohamed Hashim [ Bayan Baru ] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan pencapaian Pelan Keselamatan Jalan Raya Malaysia 2006-2010, memandangkan semakin banyak kes kemalangan jalan raya yang meragut nyawa berlaku.

**Jawapan**

**Tuan Yang Dipertua,**

Pelan Keselamatan Jalan Raya 2006-2010 telah menggariskan 9 strategi dan 52 program bagi memenuhi sasaran Kerajaan untuk mengurangkan bilangan kematian akibat kemalangan jalan raya sebanyak 50% dalam tempoh 5 tahun. Dari aspek indeks kematian, pencapaian Pelan Keselamatan Jalan Raya ini adalah seperti berikut:

- (i)      **4.18 kematian setiap 10,000 kenderaan berdaftar pada tahun 2005 kepada 3.55 pada tahun 2009; dan**
  
- (ii)     **19.58 kematian setiap billion kilometer perjalanan kenderaan pada tahun 2005 kepada 17.30 pada tahun 2008. Manakala penilaian prestasi bagi tahun 2009 masih dijalankan oleh Institut Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS).**

Di samping itu, bilangan mangsa kecederaan dan kematian akibat kemalangan jalan raya turut berkurangan sebanyak 33.2% iaitu daripada 47,000 mangsa kemalangan pada tahun 2005 kepada 31,417 mangsa kemalangan pada tahun 2009.

Bagi meningkatkan keselamatan jalan raya khususnya penumpang, Kerajaan dibawah pelan ini telah memperkenalkan beberapa peraturan *United Nation Economic Commission For Europe (UNECE)* seperti R66 iaitu pembinaan struktur badan bas, R80 iaitu pemasangan tali pinggang keledar dan R108 serta R109 berhubung peraturan-peraturan keselamatan tayar.

Seterusnya, kemajuan terkini juga menunjukkan adanya penurunan dari segi bilangan kecederaan akibat kemalangan jalan raya bagi Januari 2010 dan adalah menjadi harapan Kerajaan agar *trend* ini akan berterusan.



SOALAN NO : 58

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA Y.B. Tuan Lim Lip Eng (Segambut)

TARIKH PEMBERITAHU  
22 Mac 2010  
PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT

SOALAN Y.B. Tuan Lim Lip Eng (Segambut)

Meminta PERDANA MENTERI menyatakan adakah cadangan untuk menambah pelbagai elauan Ahli Parlimen pada tahun ini seperti yang disyorkan oleh SPRM. Sekiranya tidak, mengapa.

JAWAPAN : Untuk makluman YB, Parlimen Malaysia telah pun mengemukakan cadangan penyemakan semula saraan dan kemudahan Ahli Parlimen kepada Perbendaharaan Malaysia sejak 26 September 2008 lagi. Pihak Perbendaharaan telah mengkaji permohonan tersebut. Namun selaras dengan keadaan ekonomi semasa, kajian semakan semula saraan Ahli Parlimen terpaksa ditangguhkan buat masa ini dan akan dikemukakan semula untuk pertimbangan pada masa yang sesuai kelak.

**SOALAN : 59**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA                    DATO' HAJI AB. HALIM BIN AB. RAHMAN  
(PENGKALAN CHEPA)**

**TARIKH                    22 MAC 2010**

**SOALAN :**

**Dato' Haji Ab. Halim Bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah sebenarnya bilangan keluarga isi rumah kemiskinan tegar di seluruh negara sehingga 2009, nyatakan mengikut negeri dan kaum serta langkah positif untuk mengeluarkan mereka daripada kepompong tersebut menjelang akhir 2010.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

Berdasarkan maklumat dari eKasih, bilangan keluarga isi rumah kemiskinan tegar di seluruh negara sehingga 31 Disember 2009 mengikut negeri dan kaum adalah seperti berikut:



Negeri	BILANGAN ISI RUMAH MISKIN TEGAR						
	Melayu	Cina	India	Bumi Lain	Orang Asli	Lain-lain	JUM
Johor	1128	39	41	1	20	0	1,229
Kedah	1928	9	34	0	0	15	1,986
Kelantan	3509	3	0	0	21	7	3,540
Melaka	200	28	35	0	16	1	280
NS	194	14	49	1	1	0	259
Pahang	587	4	15	0	3	0	609
Perak	1709	29	154	2	0	2	1,896
Perlis	344	6	1	0	0	7	358
PP	342	15	88	0	0	1	446
Sabah	344	60	7	16079	0	638	17,128
Sarawak	1404	188	5	9432	1	286	11,316
Selangor	888	12	99	2	12	2	1,015
Terengganu	3231	3	0	1	0	1	3,236
WPKL	36	2	14	0	0	1	53
WPL	16	0	0	16	0	2	34
WPP	0	0	0	0	0	0	0
JUMLAH	15860	412	542	25534	74	963	43,385

Kerajaan telah mengambil langkah-langkah yang bersepada dengan menyediakan pelan strategi pembasmian kemiskinan. Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM) sebagai penyelaras utama program pembasmian kemiskinan bertanggungjawab untuk memantau pelaksanaan program-program pembasmian kemiskinan oleh kementerian-kementerian.

Dalam membantu golongan ini, kerajaan telah merangka beberapa langkah positif untuk golongan miskin dan miskin tegar yang produktif melalui pelaksanaan program-program seperti berikut:

- a. Program peningkatan pendapatan;
- b. Latihan kemahiran;
- c. Program pembangunan modal insan;

- d. Penyediaan akses kepada infrastruktur yang baik dan mudah dicapai.

Untuk golongan miskin dan miskin tegar yang tidak produktif, program jaringan keselamatan sosial disediakan oleh agensi-agensi pelaksana.

Kerajaan juga menggalakkan sektor swasta dan badan bukan Kerajaan untuk terus memainkan peranan penting dalam melengkapkan usaha Kerajaan bagi menghapus sepenuhnya kemiskinan tegar dan mengurangkan separuh kemiskinan keseluruhan menjelang 2010.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI  
JAWAB LISAN**

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN**

**JAWAB LISAN**

**DARIPADA**

**YB PUAN TERESA KOK SUH SIM  
[SEPUTEH]**

**TARIKH**

**22 MAC 2010**

**SOALAN [60]**

**YB PUAN TERESA KOK SUH SIM  
[SEPUTEH] meminta MENTERI LUAR  
NEGERI menyatakan kriteria perlantikan duta  
Malaysia ke luar negara khususnya, duta ke  
Amerika Syarikat. Sila nyatakan bagaimana  
YB Rompin menjalankan tugasnya sebagai  
Duta Malaysia ke Amerika Syarikat di samping  
melaksanakan tanggongjawab beliau sebagai  
Ahli Parlimen Rompin.**

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih kepada Yang Berhormat Seputeh di atas soalan yang dikemukakan.

2. Secara amnya, kriteria dan ciri-ciri utama bagi calon-calon yang dilantik sebagai Ketua Perwakilan Malaysia yang bertaraf Duta Besar atau Pesuruhjaya Tinggi terdiri daripada individu yang berkelayakan tinggi dan memiliki '*merits*' (dengan izin) dari segi pengetahuan serta pengalaman yang luas dalam bidang diplomasi dan hubungan antarabangsa. Calon-calon yang dilantik adalah terdiri daripada pegawai awam kanan yang telah berkhidmat di Sektor Luar Negeri dengan cemerlang, bagi tempoh sekurang-kurangnya 20 tahun dan telah menjalani pelbagai pendedahan dan latihan yang berterusan di dalam dan di luar negara.
3. Kerajaan boleh melantik mengikut budi bicara, di mana timbul keperluan, Duta Besar atau Pesuruhjaya Tinggi yang terdiri dari kalangan ahli politik, ahli perniagaan dan bekas pegawai tinggi Kerajaan, secara lantikan politik atau '*political appointee*' dengan izin. Pelantikan mengambil kira aspek *merit*, dengan izin calon-calon yang berkemampuan untuk meningkatkan lagi hubungan diplomasi di antara Malaysia dengan negara tuan rumah.

4. Perlantikan Ahli Parlimen sebagai Duta Besar atau Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di luar negeri tidak menjelaskan tanggungjawab mereka sebagai Wakil Rakyat. Kepentingan rakyat akan sentiasa dijaga oleh wakil-wakil di kawasan Wakil Rakyat tersebut. Wakil-wakil kawasan berkenaan akan membawa isu-isu berbangkit kepada Wakil Rakyat untuk dibincangkan dan mencari jalan penyelesaian yang terbaik. Sebagai contoh, Yang Berhormat Ahli Parlimen Rompin akan pulang untuk melawat kawasan dari semasa ke semasa atas perbelanjaan sendiri, dalam menjalankan tanggungjawab beliau sebagai Ahli Parlimen Rompin. Beliau juga senantiasa berhubung, berbincang dan menyelesaikan isu-isu berkaitan kawasan beliau, dengan adanya dan bantuan sistem teknologi komunikasi dan maklumat yang baik.

6. Manakala sebagai Duta Besar Malaysia ke Washington pula, beliau bertanggungjawab mempromosikan Malaysia berdasarkan pengalaman luas beliau di dalam bidang politik, kefahaman dalam bidang perdagangan antarabangsa dan berkebolehan untuk melihat pasaran pelaburan baru. Selain daripada itu, Yang Berhormat Ahli Parlimen Rompin berkemampuan untuk menarik bakal-bakal pelabur antarabangsa daripada Amerika Syarikat untuk melabur di Malaysia. Ini adalah sejajar dengan hasrat Malaysia untuk menjadikan Amerika Syarikat sebagai rakan dagangan utama negara.

Sekian, terima kasih.

**Soalan No : 61**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>Y.B. TUAN SALLEH BIN KALBI (SI LAM)</b>
<b>TARIKH</b>	<b>22.03.2010</b>

**SOALAN:**

Y.B. TUAN SALLEH BIN KALBI [ SILAM ] minta Menteri Pelajaran menyatakan dalam penyenaraian 20 sekolah berprestasi tinggi seperti yang diumumkan oleh YB Menteri baru-baru ini, mengapakah negeri Sabah dan Sarawak tidak termasuk dalam kategori tersebut. Apakah kriteria yang ditentukan untuk dikategorikan sebagai sekolah berprestasi tinggi tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Pemilihan Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) tidak berdasarkan kepada lokasi, negeri atau jenis sekolah. Pengiktirafan SBT merupakan sekolah yang terbaik antara yang terbaik dari semua aspek yang telah dinilai secara menyeluruh dan tidak hanya memberi penekanan kepada pencapaian akademik.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemilihan SBT adalah melalui proses dua saringan. Saringan pertama adalah ranking yang dibuat oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) melalui Gred Purata Sekolah (GPS) dan Penarafan Kendiri Sekolah (PKS) oleh sekolah menggunakan instrumen Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM). Melalui saringan kedua, sekolah-sekolah yang mencapai skor komposit yang tinggi dan berada di bahagian atas ranking akan diverifikasi oleh KPM menggunakan SKPM dan juga dinilai menggunakan instrumen annex. Rjm28

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

<b>PERTANYAAN DARIPADA</b>	<b>JAWAB LISAN</b>
<b>TARIKH</b>	<b>DR. RAMASAMY A/L PALANISAMY 22</b>
<b>SOALAN</b>	<b>MAC 2010 (ISNIN)</b>
	<b>N0.62</b>

**Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [ Batu Kawan ] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan mengapakah pihak Kementerian tidak mengambil serius terhadap Jabatan Pengajian India di Universiti Malaya di mana seorang profesor bukan berketurunan India akan/telah dilantik sebagai ketua Jabatan ini.**

### **JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pengajian Tinggi dan Universiti Malaya (UM) sememangnya mengambil tindakan serius berkenaan pelantikan semua kakitangan akademik termasuk ketua-ketua jabatan dalam memastikan kualiti pengajian tinggi tidak diabaikan. Bagi pelantikan Ketua Jabatan Pengajian India, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, UM, proses pemilihan sedang dijalankan bermula dengan pengiklanan kekosongan jawatan pada penghujung**

**bulan Ogos 2009. Sebanyak 35 permohonan telah diterima dari dalam dan luar negara melalui proses saringan berdasarkan kriteria yang ditetapkan dan akhirnya 11 calon telah disenarai pendek. Di antara kriteria pelantikan yang diambil ialah aspek akademik, penyelidikan dan penerbitan di peringkat antarabangsa, terutamanya penerbitan dalam jurnal Web of Science (*ISI listed Journal*). UM menjangkakan pelantikan Ketua Jabatan Pengajian India akan dapat dibuat selewat-lewatnya pada Mei 2010.**

**Soalan N0.63**  
**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
DARIPADA	<b>TUAN MOHD. NASIR BIN ZAKARIA</b> [PADANG TERAP]
<b>TARIKH JAWAPAN</b> DI DEWAN RAKYAT	<b>22 MAC 2010 (ISNIN)</b>
<b>SOALAN</b>	<b>NO. 63</b>

**SOALAN**

Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan

- (a) Sejauh mana fungsi penjanaan IPP Bakun dan IPP hidroelektrik baru di Semenanjung iaitu di Kelantan dan Terengganu; dan
- (b) Adakah ia bakal digunakan untuk mengantikan IPP yang sedia ada yang bakal tempoh "powerpurchase agreement" nya tamat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Pada masa ini sebahagian besar dari keperluan bekalan elektrik di Semenanjung dibekalkan oleh stesen-stesen jana kuasa berdasarkan bahan api fosil iaitu gas dan arang batu. Kebergantungan kepada bahan api fosil boleh menyebabkan Semenanjung terdedah kepada risiko bekalan elektrik yang tidak

terjamin disebabkan kekangan pembekalan serta ketidaktentuan harga bahan api fosil ini.

Menyedari hakikat ini, Kerajaan telah mengambil langkah untuk mempelbagaikan sumber bahan api supaya tidak terlalu bergantung kepada bahan api fosil supaya dapat mencapai campuran bahan api yang optimum. Dalam hal ini, Projek Hidro Elektrik Bakun dan Projek Hidro Elektrik di Ulu Jelai, Pahang dan Hulu Terengganu yang menggunakan hidro sebagai bahan api dapat berfungsi mengurangkan kebergantungan terhadap sumber bahan api fosil pada masa hadapan.

Selain itu, bekalan elektrik dari projek-projek hidro elektrik ini juga diperlukan untuk memenuhi permintaan elektrik di Semenanjung pasca 2015. Bermula pada tahun tersebut, Semenanjung akan kehilangan kapasiti penjanaan sebanyak 4000MW apabila tamatnya *Power Purchase Agreement (PPA)*, bagi lima buah *Independent Power Producers (IPP)*, dengan izin, Generasi Pertama. Sehubungan dengan itu, Projek Hidro Elektrik Bakun, Ulu Jelai dan Hulu Terengganu adalah sebahagian daripada langkah Kerajaan untuk menampung kehilangan kapasiti disebabkan penamatkan tempoh PPA IPP Generasi Pertama.

Walau bagaimanapun bekalan elektrik dari projek-projek hidro elektrik ini tidak dapat menggantikan sepenuhnya kapasiti loji-loji jana kuasa IPP yang akan tamat tempoh kelak kerana kapasiti penjanaan projek-projek ini adalah lebih kecil daripada jumlah yang diperlukan bagi memenuhi keperluan dalam tempoh tersebut.

**SOALAN NO. 64**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA Y.B. TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK**  
**(SIK)**

**TARIKH 22 MAC 2010**

**SOALAN:**

**Y.B. TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK (SIK) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan bila Kerajaan akan melaksanakan jalan 175 Jalan Persekutuan dari Batu Seketul ke Gulau yang telah tertinggal dalam pembinaan Jalan Raya Beris dari Telaga Batu ke Batu Seketul dan sambungan ke Lebuh raya Durian Burung- Kupang. Jalan 175 ini amat penting dan pelengkap kepada kedua-dua jalan raya tersebut.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua;**

**Kementerian Kerja Raya amat prihatin dan sedia maklum mengenai cadangan untuk menaik taraf Jalan Persekutuan dari Kg. Batu Seketul ke Gulau, Sik, Kedah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,**

pada masa kini jalan sepanjang 6.8 kilometer dengan reka bentuk piawai JKR R3 itu masih lagi mampu untuk menampung aliran trafik semasa, iaitu dianggarkan kurang dari 8,000 jumlah kenderaan sehari. Sehubungan itu, tidak terdapat keperluan yang begitu mendesak bagi melaksanakan projek ini. Walau bagaimanapun Kementerian Kerja Raya bersedia mempertimbangkan cadangan untuk menaik taraf jalan tersebut pada masa hadapan, tertakluk kepada faktor pertumbuhan trafik dan kesan pembangunan sosioekonomi di kawasan berkenaan.

**NO SOALAN : 65**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA**           **Y.B DATO\* SERI MOHAMMAD  
NIZAR BIN JAMALUDDIN  
(BUKIT GANTANG)**

**TARIKH**           **22.03.2010  
(ISNIN)**

**SOALAN:**

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan sejak PKLN diwujudkan pada tahun 2004 hingga kini, puluhan ribu pelatih telah dilahirkan. Apakah mekanisme untuk memantau serta langkah susulan (*follow up*) bagi memastikan bekas-bekas

***SULIT***

**pelatih ini menjadi warga negara yang hebat.**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**



**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

**Semua bekas pelatih Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) yang telah menamatkan latihan sememangnya digalakkan untuk menyertai Kelab Alumni Program Latihan Khidmat Negara (KAPLKN) di mana kelab ini telah ditubuhkan pada 21 Jun 2006. KAPLKN merupakan sebuah pertubuhan yang sah berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan.**

**Setakat ini seramai 10,803 orang bekas pelatih PLKN telah mendaftar menjadi ahli KAPLKN. Jumlah ini dijangka akan terus meningkat dari semasa ke semasa melalui aktiviti-aktiviti yang sedang dan akan dilaksanakan dengan bantuan JLKN.**

**Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, KAPLKN sebagai sebuah organisasi yang masih muda sudah tentu memerlukan bimbingan dan sokongan untuk mengerakkan aktiviti-aktivitinya. Sehubungan itu, Jabatan Latihan Khidmat Negara, Kementerian Pertahanan Malaysia telah menukuhkan Cawangan Sekretariat Alumni untuk merancang dan membantu aktiviti berbentuk kesukarelaan bagi memastikan bekas-bekas pelatih PLKN terus menyumbang tenaga dan pengetahuan ke arah kesejahteraan masyarakat secara sukarela dan meningkatkan semangat jati diri setiap pelatih selepas menghadiri PLKN selaras dengan objektif seperti berikut:-**

**(a) Mewujudkan bekas<sup>3</sup> Pelatih Program Latihan**

Mesy Pertama: 22.03.10 DA TA SEMINAR ALUMNI PLKN SANTANG

*SULIT*

**Khidmat Negara yang terus menerus memberi sumbangan kepada Negara.**

- (b) Membantu merealisasikan hasrat Kerajaan untuk menjayakan Program Latihan Khidmat Negara sebagai satu iltizam yang diterima oleh seluruh lapisan masyarakat.
- (c) Sebagai medium untuk ahli kelab Program Latihan Khidmat Negara meneruskan aktiviti-aktiviti yang berfaedah ke arah 3P iaitu Perpaduan, Perwatakan dan Patriotisme.
- (d) Sebagai platform untuk ahli kelab Program Latihan Khidmat Negara mengeratkan silaturahim yang sihat di kalangan semua bekas pelatih PLKN.

**Selain daripada itu, bekas-bekas Pelatih PLKN juga digalakkan untuk menyertai program Rakan Cop, Askar Wataniah dan JPAM bagi membolehkan mereka terus menyumbang tenaga dan khidmat bakti kepada Negara.**

NO. SOALAN:

#### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA DATUK MAT SIRAT BIN ABU[BUKIT KATIL]**

**SULIT**

**TARIKH                    22 MAC 2010**

**SOALAN**

**Datuk Mat Sirat bin Abu [ Bukit Katil ] minta PERDANA MENTERI menyatakan oleh kerana sistem pentadbiran Kerajaan sudah mengamalkan NKRA, KPI dan GTP dalam semua urusan perkhidmatan di semua peringkat, apakah Kerajaan bercadang untuk memberi bonus kepada kakitangan Perkhidmatan Awam berdasarkan kepada pencapaian KPI bagi setiap individu pegawai awam tersebut. Adakah ianya kelihatan adil dan dapat meningkatkan motivasi serta komitmen tinggi kepada Perkhidmatan Awam.**

**NO. SOALAN:**

**JAWAPAN: YB. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di Pertua.

Kerajaan sentiasa menambahbaik sistem ganjaran termasuk pemberian bonus

dari semasa ke semasa bagi boleh meningkatkan motivasi dan budaya kerja berprestasi tinggi penjawat Awam. Di samping itu, pemberian bonus juga perlu mengambil kira kedudukan kewangan Kerajaan serta pencapaian produktiviti negara dan prestasi semasa penjawat awam.

Program Tranformasi Kerajaan (GTP) adalah program yang memperincikan objektif dan set tindakan permulaan dalam beberapa bidang yang dikenalpasti sebagai Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dan set pencapaian tindakan yang ditetapkan sebagai Petunjuk Prestasi Utama (KPI). Kerajaan belum memutuskan untuk mengaitkan bonus tahunan kepada pencapaian KPI tetapi ganjaran dalam bentuk kewangan dan bukan kewangan akan diberikan kepada pegawai yang mencapai KPI seperti diumumkan dalam GTP. Sekian. Terima kasih.

*Ni'fy ■*

**SJ,B/(33)**

**PEIVIBERITAHU  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA**

**TUAN ER TECK HWA**

**(BAKRI)**

**PERTANYAAN ; LISAN**

**TARIKH**

**22.03.2010**

**| C'f**

**Tuan Er Teck Hwa ( Bakri ) minta MENTERI KEWANGAN**

menyatakan piawaian yang digunakan untuk menentukan bajet peruntukan bagi sesuatu aktiviti perayaan. Adakah Kerajaan mengehadkan tetamu yang diundang berdasarkan latar belakang politik, sosial dan sebagainya.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

**Untuk makluman YB, Kementerian Kewangan tidak menyediakan peruntukan khusus bagi sesuatu aktiviti perayaan.**

Walau bagaimanapun, kementerian dan jabatan dibenarkan untuk menggunakan peruntukan sedia ada di bawah kementerian/jabatan masing-masing untuk sesuatu program/aktiviti dengan syarat perbelanjaan yang dibuat adalah tertakluk kepada peraturan kewangan yang berkuat kuasa semasa.

2. Dari segi undangan tetamu, Kementerian Kewangan juga tidak menentukannya dan terpulang kepada kementerian/jabatan yang menganjurkan aktiviti tersebut.

**NO.AUM : 73**

**NO. AUP : G<P**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**  
**PERTANYAAN**

**DARIPADA TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD [ SHAH ALAM ]**

**TARIKH**           **22 MAC LISAN 2010**  
**RUJUKAN**       **2371**

**SOALAN:**

**Tuan Khalid bin Abdul Samad [ Shah Alam ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah usaha Kerajaan untuk memastikan media-media seperti Utusan Malaysia tidak mencetuskan isu perkauman yang mengancam keselamatan dan ketenteraman awam.**



JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengemukakan soalan.

1. Izinkan saya menjawab soalan dari YB Ipoh Timur ini bersekali dengan empat (4) lagi soalan lain yang menyentuh apakah tindakan kerajaan terhadap media yang memainkan isu perkauman, khususnya akhbar Utusan Melayu dan Berita Harian yang didakwa milik Parti UMNO. Soalan - soalan berkaitan ialah daripada YB Shah Alam pada 22 Mac; YB Gombak pada 31 Mac; YB Baling pada 15 April dan YB Petaling Jaya Utara juga pada 15 April.
2. Pertamanya ingin saya tegaskan bahawa akhbar Utusan Malaysia dan Berita Harian bukanlah milik Parti UMNO.
3. Kerajaan **tidak mengambil tindakan** terhadap Utusan Malaysia dan Berita Harian kerana **laporan berita yang dibuat** tidak menghina mana-mana kaum dan agama tetapi hanya membangkitkan isu-isu yang mendapat perhatian bangsa sendiri.

4. Usaha kerajaan untuk mencegah bagi memastikan media tidak mencetuskan isu perkauman (berkaitan soalan YB Shah Alam) antaranya ialah mengadakan Garis Panduan Penerbitan, mengadakan sesi pertemuan dengan ketua editor/editor, nasihat, teguran, peringatan dan tindakan terakhir ialah tindakan undang- undang berdasarkan undang-undang yang berkuatkuasa.

**SOALAN NO : 69**

<b>PERTANYAAN DARIPADA</b>	<b>PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT</b>
<b>TARIKH</b>	<b>LISAN</b>
	<b>TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI [ GOMBAK ]</b>
	<b>22 Mac 2010</b>

**SOALAN :**

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Gombak)** minta MENTERI KESIHATAN menyatakan adakah Kerajaan bercadang melanjutkan tempoh kontrak dengan syarikat Fomema Sdn. Bhd. bagi pemantauan dan pemeriksaan kesihatan pekerja-pekerja asing yang sepatutnya berakhir pada 2012. Apakah kriteria yang ditetapkan untuk penyambungan semula kontrak ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini, Kerajaan belum membuat sebarang keputusan mengenai penyambungan tempoh konsesi FOMEMA termasuk kriteria yang akan diguna pakai kelak.

NO. SOALAN : \*>

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya]

TARIKH : 22 Mac 2010

SOALAN :

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] minta PERDANA MENTERI menyatakan undang-undang yang sedang dirangka oleh Jawatankuasa Pembaharuan Undang-Undang Malaysia.

JAWAPAN : YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jawatankuasa Pembaharuan Undang-Undang tidak berperanan untuk merangka undang-undang. Jawatankuasa ini hanyalah mengkaji dan mencadangkan pembaharuan undang-undang yang lapuk kepada Kerajaan untuk diperbaharui.

Sekian. Terima kasih.

**SOALAN NO: 71**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA            TUAN DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ**  
**[SUNGAI SIPUT]**

**TARIKH            22 MAC 2010**

**SOALAN:**

**TUAN DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ [ SUNGAI SIPUT ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada peruntukan khas kawasan Parlimen ada disalurkan melalui akaun bank Ahli-ahli Parlimen. Apakah sistem pemantauan yang wujud sekarang untuk mencegah penyalahgunaan peruntukan ini.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

Peruntukan Khas Y.A.B Perdana Menteri untuk Kawasan Parlimen tidak disalurkan ke dalam akaun Ahli Parlimen.

Pelaksanaan program/projek di bawah Peruntukan Khas Y.A.B Perdana Menteri bagi Kawasan Parlimen dilaksanakan oleh Pejabat Pembangunan Negeri dan Pejabat Daerah yang berkenaan **mengikut peraturan kewangan yang sedang berkuat kuasa**. Kaedah yang digunakan bagi memantau program/projek antaranya ialah pemantauan melalui pelaporan secara berkala, lawatan turun padang dan sebagainya.

**NO SOALAN:**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN: LISAN**

**DARIPADA: YB TUAN WEE CHOO KEONG**

**TARIKH : 22 MAC 2010**

**SOALAN :**

Tuan Wee Choo Keong [ Wangsa Maju ] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berkaitan penahanan seorang Setiausaha Politik di Jabatan Perdana Menteri berhubung dengan rasuah dan apakah tindakan yang telah diambil atau akan diambil.

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang DiPertua,

Siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) ke atas Setiausaha Politik seorang Menteri masih lagi dijalankan. Namun begitu, sebagaimana Y.B. sedia maklum Seksyen 29(4) Akta SPM 2009 yang telah dikuatkuasakan pada 1 Januari 2009 memperuntukan:

*“Sesuatu aduan yang dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah dirahsiakan dan tidak boleh didedahkan oleh mana- mana orang kepada mana-mana orang selain pegawai- pegawai Suruhanjaya dan Pendakwa Raya sehinggalah orang tertuduh dipertuduh di mahkamah atas suatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-*

**JAWAPAN: DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**

*mana undang-undang bertulis lain berbangkit daripada aduan itu, melainkan jika pendedahan itu dibuat dengan persetujuan Pendakwa Raya atau seorang pegawai Suruhanjaya yang berpangkat Pesuruhjaya dan yang lebih tinggi. ”*

Peruntukan tersebut jelas melarang sebarang pendedahan terhadap aduan yang dibuat oleh mana-mana kepada mana-mana orang selain dari pegawai Suruhanjaya dan Pendakwa Raya.

**SOALAN NO: 73**

**PERTANYAAN: LISAN**

**DARIPADA: Y.B. TUAN TENG BOON SOON**

**TARIKH: 22 MAR 2010**

**SOALAN:**

**Y.B. Tuan Teng Boon Soon [ Tebrau ] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan bilangan rakyat Malaysia yang berijazah dan berkelayakan profesional yang berpindah untuk bekerja di luar negara dan yang pulang bekerja di Malaysia kerana insentif di tawarkan Kerajaan sehingga tahun 2009.**

**PR-1231-L35142**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Satu kajian oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU) sebagaimana dilaporkan oleh Boston Universiti mendapati pada tahun 2000 sejumlah 785,000 orang yang berasal dari Malaysia telah menetap di luar negara iaitu 3.3 peratus daripada jumlah penduduk Malaysia. Daripada jumlah tersebut, 40 peratus menetap di Singapura, 32 peratus di negara-negara OECD (Australia, Amerika Syarikat, United Kingdom, Kanada dan New Zealand), dan 20 peratus di negara-negara ASEAN (Brunei, Filipina dan Indonesia). Dianggarkan sejumlah 350,000 orang dari jumlah tersebut bekerja di luar negara dan kebanyakannya mereka adalah pekerja mahir termasuk 30,000 hingga 40,000 orang di Singapura.

**Tuan Yang Di Pertua,**

Masalah Brain Drain bukan hanya dihadapi oleh Malaysia sahaja. Banyak negara lain di dunia menghadapi masalah yang sama.

**Tuan Yang Di Pertua,**

Diantara sebab rakyat Malaysia bekerja di luar negara adalah disebabkan gaji lumayan yang ditawarkan, mengikut suami/isteri berhijrah ke luar negara, atau terus bekerja dan menetap di luar negara selepas tamat pengajian.

Berhubung usaha menarik minat mereka untuk bekerja di Malaysia, KSM telah melaksanakan Program Menggalakkan Warganegara Malaysia Berkepakaran Yang Bekerja di Luar Negara Pulang ke Malaysia sejak tahun 2001 untuk menarik golongan profesional Malaysia di luar negara untuk pulang ke tanah air. Sehingga 18 Mac 2010, sebanyak 1,474 permohonan telah dipertimbangkan dan 850 daripadanya telah diluluskan. Dalam jumlah itu, sebanyak 622 pemohon telah pulang secara rasmi dan telah bekerja di Malaysia.



